

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 2

Hari Selasa

13 Mei 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong.

- *Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim*

(Ruangan
)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P.
(Melaka)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charem Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.
(Melaka)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Ding Seling (Dilantik)

“ Dato’ Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,
P.J.K., J.P.
(Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N.
(Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi
(Dilantik)

“ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.
(Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
S.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N.,
P.J.K.
(Selangor)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Yusop,	Hajah Shamsiah binti Mohd. P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 13hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU - USAHA
MEREFORMASIKAN

1. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah cadangan-cadangan konkrit Malaysia untuk memulakan usaha-usaha mereformasikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk Majlis Keselamatan Pertubuhan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu mengenai reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah giat dibincangkan sejak Sesi Ke-48 Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1993. Beberapa Kumpulan Kerja telah ditubuhkan bagi membincangkan secara terbuka mengenai isu-isu tertentu untuk memperkukuhkan struktur PBB secara menyeluruh.

Malaysia telah mengemukakan beberapa cadangan mengenai reformasi

Majlis Keselamatan PBB. Elemen-elemen yang dicadangkan adalah:

- (i) menyokong penambahan keanggotaan Ahli Tetap dan Bukan Tetap Majlis Keselamatan bagi lebih mencerminkan penambahan anggota PBB. Sejak kali terakhir reformasi ke atas Majlis Keselamatan dibuat iaitu pada tahun 1963 dan jumlah anggota PBB telah bertambah dan kini dianggotai oleh 185 negara.
- (ii) mencadangkan supaya jumlah anggota Majlis Keselamatan PBB ditambah tidak lebih daripada 25 anggota;
- (iii) Ahli Tetap Majlis Keselamatan PBB dipilih daripada negara-negara maju dan negara-negara membangun. Setiap rantau Afrika, Asia dan Amerika Selatan hendaklah diwakili dalam Majlis Keselamatan PBB dan pemilihan negara-negara wakil rantau tersebut, secara bergilir-gilir akan ditentukan sendiri oleh wilayah-wilayah tersebut; dan
- (iv) mengenai penggunaan veto, hasrat kita adalah untuk menghapuskan penggunaannya sama sekali. Bagaimanapun, cadangan ini mendapat tentangan daripada Ahli Tetap - Ahli Tetap Majlis Keselamatan ini yang sedia ada. Kita berpendapat bahawa dari segi penggunaannya seharusnya tidak ada diskriminasi. Kita juga turut mencadangkan supaya

penggunaan kuasa veto dikaji semula iaitu seperti menghadkan penggunaannya kepada isu-isu tertentu atau penggunaan dua atau lebih veto diperlukan untuk sesuatu isu diputuskan.

Isu reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu masih hangat diperbincangkan dan kata sepakat mengenainya masih belum diperolehi. Jadi, baru-baru ini Kumpulan Kerja mengenai isu keanggotaan dan penambahan keahlian Majlis Keselamatan telah bermesyuarat dari 5 hingga 9 Mei, 1997. Kumpulan Kerja mengenai pengukuhan struktur PBB pula akan bermesyuarat dari 9 hingga 13 Jun, 1997.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah di atas perlantikan anak bangsa selaku Presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Soalannya dengan terlantiknya Presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu daripada kalangan kita, adakah pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengemukakan bagi Bangsa-Bangsa Bersatu menggunakan Bahasa Malaysia sebagai salah bahasa yang boleh digunakan secara formal di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu kerana kita mengetahui bahawa Bahasa Malaysia mengikut seorang sosio-linguistik mengatakan ia merupakan salah satu bahasa yang keenam dari segi kecanggihannya dalam masa 100 tahun akan datang?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kita berharap akan

menggunakan bahasa kita di peringkat antarabangsa juga, tetapi ini adalah usaha-usaha kita bersama untuk mencapai ke tahap ini dan sepertimana yang kita katakan inilah usaha dari keseluruhan untuk kita bersama memperkuat.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat mengemukakan beberapa cadangan konkrit untuk mereformasikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti yang disebutkan macam Majlis Keselamatan telah ditubuhkan sejak 1963 dan masih baru hendak dibuat perubahan. Soalan saya sebagai tambahan ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk dapat memastikan bahawa cadangan-cadangan ini akan dapat kita laksanakan dan seterusnya apakah langkah-langkah kita untuk membuktikan bahawa Malaysia mempunyai suara yang lantang dan dapat berkesan dalam usaha kita untuk mendapatkan penguatkuasaan 'Oslo a accord' bagi pedamaian Palestin?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini kita memang mendapat sokongan oleh banyak pihak di peringkat antarabangsa dalam mana-mana isu yang kita kemukakan kerana pendekatan kita ialah untuk mengemukakan keadilan dan juga mencapai kedamaian dan kerjasama di peringkat antarabangsa dan antara benua.

Di sini ingin saya menyatakan bahawa kita telah mendapat kerjasama banyak di peringkat hubungan pelbagai hala dan juga di peringkat dua hala di mana kita mendapat sokongan-sokongan kerana selama ini kita telah

menunjukkan menerusi pemimpin-pemimpin negara kita iaitu Yang Amat Berhormat sendiri telah mengemukakan banyak isu yang boleh diterima oleh pelbagai masyarakat di antarabangsa.

**KELAB MALAM DI SEKITAR BANDARAYA KUALA LUMPUR -
JUMLAH**

2. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** mitna Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kelab malam di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (b) berapakah hasil yang diperolehi oleh DBKL di atas lesen-lesen yang dikeluarkan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim

bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pusat hiburan malam (night spots), dengan izin yang berlesen di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur adalah sebanyak 288 buah dengan pecahan aktiviti perniagaan seperti berikut:

<u>Aktiviti</u>	<u>Bilangan</u>
Karaoke Lounge	125
Pub dan Restoran Karaoke	48
Kelab Malam dengan Dewan Tari Menari	10
Pub dan Bar dengan Dewan Tari Menari	35
Pusat Hiburan dalam Hotel	52
Disko	18

Jumlah	288
	=====

- (b) Jumlah hasil kutipan daripada lesen hiburan bagi tahun 1996 adalah sebanyak RM2,142,239.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya kelab-kelab malam ini yang dijumlahkan sebanyak 228 buah tadi tidak akan menjadi ‘kancah’ perbuatan negatif yang boleh menghancurkan akhlak remaja?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, bukan 228, tapi sebenarnya ialah 288. Sebenarnya kita membuat pemeriksaan dari masa ke semasa untuk melihat bahawa mereka mengikut masa yang telah ditetapkan dan jika ada apa-apa kesalahan, kita telah memberi notis dan dikompaunkan. Kita juga pastikan bahawa jika ada apa-apa kesalahan, Dewan Bandaraya akan menutup atau ‘sita’ tempat-tempat ini. Sekarang boleh dikatakan hampir tiap-tiap malam kita membuat rondaan serta pemeriksaan dan dijangkakan ada lebih kurang 60 tempat hiburan yang tidak berlesen. Sepertimana kita tahu, kita telah membuat serbuan hampir tiap-tiap malam.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah tindakan yang dicadangkan oleh kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha kelab malam dan pusat-pusat hiburan yang telah berkali-kali mengulangi kesilapan beroperasi secara haram?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Kita telah membuat serbuan dan operasi, sehingga 30hb. April lebih kurang sebanyak 101 operasi dan kita telah

memeriksa 72 premis dan barang mereka telah disita. Mesin videonya pula kita telah ambil dan dengan izin, computer game lebih kurang 1,265 maknanya operasi telah dijalankan secara terus-menerus.

SURUHANJAYA GURU - CADANGAN PENUBUHAN

3. Michael Bong Thiam Joon minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Guru bagi menyelaraskan semua persoalan guru di negara ini dan tidak lagi ia diletakkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin

Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan pada tahun 1974 di bawah Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan dengan tugas-tugas yang ditetapkan di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tata tertib ke atas Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) dan Anggota Kumpulan Sokongan (Pendidikan).

Sebelum penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, tugas-tugas tersebut dijalankan oleh Suruhanhaja Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, perkara seperti penyelarasan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan dan perjawatan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang juga mengendalikan hal-hal yang sama bagi perkhidmatan yang lain. Kementerian Pendidikan pula mengendalikan

urusan-urusan penempatan latihan kursus dan biasiswa bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan berkenaan.

Berdasarkan penjelasan di atas semua persoalan mengenai Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan di negara ini tidak lagi terletak di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

KAWASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND - PERKEMBANGAN PROJEK

4. Tuan Charern Intachat minta Perdana Menteri menyatakan tentang perkembangan dan projek-projek yang dapat dilaksanakan sehingga sekarang di bidang kerjasama di dalam Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuan utama penubuhan IMTGT adalah supaya pihak swasta dapat digembleng untuk mengambil manfaat serta menerajui kerjasama pembangunan dan kegiatan ekonomi dalam kawasan IMTGT.

Pihak kerajaan pula bertindak sebagai fasilitator untuk memudahkan penglibatan pihak swasta bagi melaksanakan projek-projek kerjasama dalam pelbagai bidang.

Hasil dari usaha-usaha bersama pihak kerajaan dan swasta ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand, sejumlah 47 projek kerjasama telah diwujudkan oleh pihak swasta melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani di antara mereka. Kesemua projek ini dianggar bernilai RM11,000 juta. Projek-projek ini meliputi bidang pengangkutan,

telekomunikasi, pelancongan, perindustrian, perdagangan, kewangan, tenaga, pertanian dan pembangunan sumber manusia. Daripada jumlah ini, 14 projek telah dilaksanakan dan selebihnya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek ini akan memberi kesan besar kepada pembangunan kawasan dalam kawasan IMTGT.

Pihak kerajaan ketiga-tiga negara adalah committed, dengan izin, untuk menjayakan gagasan kerjasama IMTGT dan akan terus berusaha untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan dan menyertakan pihak swasta dalam pembangunan kawasan segi tiga IMTGT. Oleh itu dijangka akan lebih banyak lagi projek-projek usaha sama akan dilaksanakan oleh pihak-pihak swasta di masa-masa akan datang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada pihak kerajaan. Memandangkan bahawasanya gagasan kerjasama yang wujud di antara Indonesia, Malaysia dan Thailand di sebelah Utara dan juga gagasan pertumbuhan di sebelah Selatan antara Singapura, Filipina dan juga Malaysia, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuatkan satu lagi gagasan yang merangkumi negeri-negeri sebelah Pantai Timur - Pahang, Kelantan dan juga Terengganu bersama-sama dengan Vietnam dan Kampuchea memandangkan kawasan dan wilayah di sekitar belah Timur ini begitu berpotensi dari segi minyak, ikan dan sebagainya?

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Diwaktu ini kita belum ada rancangan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini sejauh manakah projek-projek yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi iaitu 47 MoU telah ditandatangani yang telah dapat dilaksanakan. Apakah rancangan kerajaan sama ada mewujudkan suatu dana khas bagi membantu negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri Perlis dalam melaksanakan projek segi tiga ini?

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Perlis adalah sebuah negeri yang begitu maju dan tidak perlu bantuan apa-apa. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan adakah kerajaan sudah berpuas hati terhadap IMTGT yang telah dilaksanakan hingga hari ini?

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ini tidak pernah berpuas hati, bila dia puas hati tidak perlu ada kerajaan lagi. *[Ketawa]*

RASUAH - BILANGAN/HUKUMAN

5. **Datuk Rahim bin Baba** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pemberi rasuah yang ditangkap dan didakwa oleh Badan Pencegah Rasuah sejak tahun 1990 hingga sekarang. Adakah kerajaan bercadang mengenakan hukuman yang setimpal atau lebih berat kepada mereka yang memberi rasuah.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 31 iaitu daripada Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab tentang soalan nombor 5. Sejak tahun 1990 hingga sekarang Badan Pencegah Rasuah telah menangkap seramai 301 orang pemberi rasuah. Mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961, hukuman mereka yang memberi rasuah adalah sama berat dengan mereka yang menerima rasuah iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Pada masa ini kerajaan sedang mengkaji semula undang-undang rasuah yang meliputi perkara berkaitan hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan rasuah.

Mengenai soalan nombor 31, undang-undang rasuah di negara ini telah digubal untuk menghukum pelaku-pelaku rasuah. Mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961 pemberi/penerima dan orang tengah adalah salah dari segi undang-undang dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman yang setimpal. Bagi menentukan mereka yang melakukan kesalahan rasuah mendapat hukuman yang lebih berat, kerajaan pada masa ini sedang mengkaji undang-undang berkaitan dengannya termasuklah perkara berkaitan hukuman yang dikenakan ke atas pelaku-pelaku rasuah.

Adalah jelas bahawa undang-undang ini diwujudkan untuk melahirkan satu masyarakat yang bersih dan bebas dari gejala rasuah yang secara langsung adalah selari dengan ajaran Islam yang menentang pemberi/penerima ataupun orang perantaraan yang terlibat dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini BPR telah pun mempunyai tatacara ataupun prosedur yang memberi kemudahan kepada orang awam memberi maklumat. Antara kemudahan-kemudahan tersebut ialah:

- (i) mengadakan kemudahan talian percuma - toll free;
- (ii) menempatkan pegawai bertugas di semua pejabat BPR sehingga jam 10.00 malam; dan
- (iii) mewujudkan homepage BPR dan kemudahan memberi maklumat melalui Internet.

Seksyen 20 Akta Pencegah Rasuah 1961 memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Identiti mereka akan dirahsiakan bukan sahaja sepanjang siasatan dijalankan tetapi sehingga tamat tempoh perbicaraan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama. Buat masa ini semua Menteri Kabinet termasuk Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar dan Exco dikehendaki mengisytihar harta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepanjang mereka ini bertugas. Saya ingin bertanya daripada Dato' Seri, apakah kerajaan bercadang atau Yang Amat Berhormat Dato' Seri bercadang supaya pengisytiharan yang dibuat ini berbentuk 'statutory declaration' setiap tahun - akhir tahun bagi menentukan bahawa cara ini memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bersikap tegas dalam konsep bersih, cekap dan amanah.

Dan soalan yang kedua, rasuah ini banyak bentuk. Ada lagi satu bentuk rasuah iaitu rasuah yang dinamakan rasuah menggunakan agama selain daripada material ataupun kebendaan. Sebagaimana yang mungkin Dato' Seri sedia maklum di Kelantan ada pemberi rasuah melalui bentuk agama iaitu menjanjikan syurga kepada rakyat iaitu kalau undi PAS, masuk syurga. Itu pun rasuah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ianya membabitkan aqidah, bukan setakat material, ini lebih serius yang boleh memesongkan aqidah rakyat. Jadi, apakah bentuk dan tindakan kerajaan untuk memerangi rasuah berbentuk agama ini dan harap jawab panjang sedikitlah, jangan pendek sangat. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengisytiharan harta, ini berjalan dengan licin. Semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen membuat pengisytiharan ini yang disahkan oleh Commissioner of Oath. Jadi, dengan itu kita berpuas hati, saya berpuas hati bahawa mereka membuat pengisytiharan yang benar dan kalau didapati tidak tepat, maka tindakan akan diambil terhadap mereka terutama mereka yang nampak jelas mempunyai cara hidup yang tidak dapat disokong oleh pendapatan mereka seperti yang diisytihar dalam pengisytiharan harta mereka. Dengan itu, kita tidaklah merancang untuk menentukan satu undang-undang untuk membuat 'statutory declaration' kerana apa yang dibuat ini juga merupakan 'statutory declaration'. Namun demikian, kalau kita dapati ada pihak-pihak yang engkar ataupun tidak mahu membuat declaration ini,

maka kita akan menjadikan ia satu yang ‘compulsory’ mengikut undang-undang.

Berkenaan dengan rasuah agama yang perlu saya jawab dengan panjang lebar ini, sebenarnya saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat. Jadi sepatutnya tidak payahlah panjang dan lebar. *[Ketawa]* Memang pun, bila kita janji untuk memberi sesuatu kepada seseorang kalau dianya memberi sesuatu kepada kita, dan benda ini adalah cara mengguna kuasa yang ada pada kita, ini adalah satu jenis rasuah juga. Orang yang membuat janji ini menganggap dirinya sebagai berkuasa dalam menentukan siapa yang akan ke syurga. Barangkali dia ‘Registrar’kah, apakah di sana, kita tidak tahulah. *[Ketawa]* Yang kita tahu ialah orang yang pergi ke sana tidak balik hendak cerita. Jadi, dia dapat lebih kesannya daripada orang lain. Orang lain kalau dia janji, dia bagi. Kalau tidak bagi, orang tahu kata dia tidak bagi. Yang ini dia janji hendak bagi benda yang orang tidak boleh ‘confirm’ dia bagikah atau tidak. Ini lebih buruk lagi dan seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi, ia menyebabkan aqidah - ia undermind, kepercayaan kita terhadap agama kita.

Sepatutnya kita percaya kepada ajaran-ajaran yang benar sahaja tetapi orang ini menggunakan kepercayaan kita itu untuk ‘subvert’ kepercayaan kita supaya kita sudah percaya bahawa dia ini adalah seorang ‘Registrar Syurga dan Neraka’ yang mana dia bukan menjadi registrar, jadi dia tidak boleh tahu, kalau dia sudah jadi pun dia tidak boleh balik beritahu. *[Ketawa]* Kita minta dia pergi dululah. *[Ketawa]* Lepas itu balik report, kalau tidak dapat balik itu nasib

dialah. Jadi, saya anggap ini amat serius sekali, sepatutnya mereka ini tidak cuba menggunakan rasuah secara ini. Kalau mereka betul-betul pegang kepada ajaran Quran, ajaran Islam, mereka tidak akan melakukan perbuatan ini.

Malangnya ramai juga orang kita ini percaya kepada dakwaan mereka. Setengah-setengah orang pun, dalam keadaan biasa pun percaya kepada setengah-setengah orang yang berjanji kononnya kalau beri duit kepada dia, dia boleh dapat kelulusan daripada Perdana Menteri, sedangkan dia tidak ada hubungan langsung dengan Perdana Menteri. Jadi, ini ‘confidence trickster’lah. Jadi, termasuklah orang yang guna janji syurga ini adalah jenis ‘confidence stricter’, ia menyamar sebagai satu orang yang ada kuasa sedangkan dia tidak ada kuasa. Malangnya dengan kerana ramai daripada orang kita tidak begitu mendalami ajaran agama, maka mereka tertipu dan ini adalah amat menyedihkan kerana ini menyebabkan kepercayaan mereka sudah menyeleweng, tidak mengikut ajaran-ajaran Islam yang sebenar.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat atau meminta pihak-pihak tertentu, termasuklah pemimpin-pemimpin parti pembangkang dan juga pihak-pihak tertentu di dalam jabatan kerajaan yang mudah terlibat dengan rasuah ini membuat pengisytiharan yang sama?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita setakat ini tidak adalah rancangan untuk meminta pemimpin parti pembangkang kerana saya takut

kalau kita buat syarat yang semacam itu mereka akan berhenti daripada jadi parti pembangkang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu sejauh manakah kerajaan dapat memastikan pegawai-pegawai yang berkait dengan pelaksanaan undang-undang mengenai usaha-usaha hendak mencegah rasuah ini. Kita bersyukur negara kita masih boleh kawal, tetapi apa yang menjadi keraguan sekarang ini ialah kemampuan pegawai untuk melaksanakan penguatkuasaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak meragukan kemampuan mereka. Sebenarnya mereka dilatih dan mempunyai pengalaman yang luas dan daripada dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh mereka dan sungutan-sungutan sesetengah orang yang dikenakan tindakan oleh pegawai-pegawai ini, kita nampak jelas bahawa kadang-kadang pegawai-pegawai ini begitu berminat sekali untuk menjalankan tugas mereka dan mereka mengikut segala kehendak undang-undang, tetapi orang yang menjadi mangsa ini berasa tidak puas hatilah dengan mereka, tetapi saya sendiri berasa puas hati.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab berlakunya dan berterusannya rasuah ialah kerana kelemahan penguatkuasaan. Dan salah satu sebab kelemahan penguatkuasaan ialah kerana kelemahan dalam undang-undang. Kami telah difahamkan dalam sesi yang lalu bahawa pindaan kepada Akta Mencegah Rasuah telah dipinda. Soalan saya ialah mengapakah

pindaan-pindaan tersebut masih belum lagi dibentang di Parlimen untuk diluluskan agar dapat tindakan-tindakan untuk mencegah rasuah dilaksanakan.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kerajaan menjalankan penyelidikan dan kajian tentang mengapa, sebab-sebab dan sejauh manakah berlakunya rasuah untuk dapat menggubal satu cara pencegahan rasuah yang lebih saintifik dan sistematik?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang telah digubal ini perlu dikaji dan diteliti kerana undang-undang rasuah ini mempunyai kesan terhadap kadang-kadang orang yang tidak bersalah. Kalau ia dibuat dengan cara memberi kuasa yang berlebihan kepada pegawai, maka ada orang-orang yang membuat tuduhan yang tidak berasas yang akan menyebabkan penyelidikan dibuat dan cara penyelidikan ini memang menekan jiwa seseorang yang diselidiki. Jadi, kita tidak hendaklah perkara seperti itu berlaku kerana ini juga merupakan penganiayaan terhadap orang yang mungkin dituduh melalui surat layang, melalui tuduhan secara langsung atau tidak langsung dan sebagainya. Sementara kita ingin mengambil tindakan terhadap mereka yang betul-betul terlibat dengan rasuah, kita tidak hendak undang-undang ini menjadi satu tekanan kepada orang yang tidak terlibat dengan rasuah. Sebab itu, undang-undang ini perlu dikaji dengan mendalam supaya tidak ada penganiayaan yang berlaku kepada mereka yang mungkin dituduh sedangkan mereka tidak bersalah.

Berkenaan dengan mengadakan undang-undang yang lebih saintifik, saya berpendapat bahawa tidak ada undang-undang yang seratus peratus berkesan. Kalau undang-undang seratus peratus berkesan, maka tidak adalah jenayah dalam masyarakat. Tetapi kita tahu macam mana keras undang-undang sekalipun, jenayah masih berlaku. Dan sebagai contohnya, walaupun kita mengenakan hukuman mati kepada pengedar dadah, tetapi ada juga orang yang sanggup mengedar dadah kerana tamak sehinggalah mereka dihukum mati. Jadi, berapa keras sekalipun undang-undang, penjenayah masih juga penjenayah.

Puan Faridah binti Abu Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk menyiarkan nama-nama yang menerima dan memberi rasuah setelah didapati bersalah di dalam akhbar sepertimana mereka yang berhutang dengan MARA?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dengan rasuah akan dibicara di mahkamah dan semasa perbicaraan itu namanya akan didedah, dan selepas itu kalau didapati bersalah, maka mahkamah akan membuat keputusan bahawa dianya bersalah, ini akan dilapor dalam akhbar, bermaknalah namanya disiarkan. Tetapi kalau kita siarkan tanpa keputusan oleh mahkamah, ini akan menyebabkan tekanan kepada orang yang mungkin akhirnya didapati tidak bersalah.

Berkenaan dengan mereka yang tidak bayar hutang MARA, ini hasil daripada pendapat. Kadang-kadang pendapat ini juga dimiliki oleh ahli-ahli

politik bahawa hutang MARA ini tidak payah bayar [*Ketawa*] kerana dia duit kerajaan dan kita kerajaan tidak payahlah bayar duit kerajaan. Tetapi sekarang ini nampak pihak pengurusan MARA sudah pun membuat senarai nama ini dan mengisytiharkan juga nama-nama mereka yang tidak bayar, nampak ramai sudah yang bayar. Saya bersetujulah kalau dia tidak bayar, kita buat papan tanda besar-besar bubuh nama dia. [*Ketawa*]

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada petang ini saya berasa riang dan gembira [*Ketawa*] oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sokong bersama-sama dengan kita. [*Tepuk*] Saya harap mudah-mudahan Yang Amat Berhormat akan senantiasa bersama dengan kita di Dewan Negara ini untuk memberi galakan kepada kita berkhidmat untuk rakyat dan negara. [*Ketawa*]

Soalan saya adalah.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahankah?

Tuan Yim Chee Chong: Soalan tambahan adalah seperti berikut, mengikut laporan newspaper bahawa kerajaan negeri Kelantan menggunakan wang rakyat memberi syer dan merugikan beberapa juta ringgit wang rakyat jelata. Ini adalah amount to the corruption atau tidak? Rasuah atau tidak dengan menggunakan wang rakyat membeli syer dan sudah rugi dan share market itu.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya keadaan rasuah di Kelantan teruk atau tidak? *[Ketawa]* Dan juga satu soalan saya tanya, dengan izin, bahawa bila UMNO akan berkuasa di Kelantan? Itu sahaja, terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak ada dalam Dewan ini daripada segi tubuh badan, tetapi daripada segi semangat saya ada dok di sini. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Dan janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat berfikir bahawa apa soalan yang disoal oleh mereka, jawapan mereka ataupun tingkah laku mereka tidak sampai ke pengetahuan saya, saya dapat maklumat. *[Ketawa]* Jadi, saya harap jangan pandang daripada segi tubuh badan, tetapi pandang daripada segi semangat.

Yang keduanya, berkenaan dengan wang rakyat sama ada rasuah ataupun tidak. Saya sendiri tidak boleh hendak buat keputusan. Kalau ada tuduhan ataupun dakwaan seperti ini patutlah ianya disampaikan kepada BPR sebab BPR akan siasat dan kalau didapati ia merupakan satu jenis rasuah, maka tindakan akan diambil.

Berkenaan dengan keadaan teruk atau tidak, saya sukar untuk membuat penilaian kerana tidak ada dacing. *[Ketawa]* Kalau ada dacing di Kelantan, senang sedikit. Sekarang ini dacing tidak ada di Kelantan *[Ketawa]* payah hendak timbang. Tetapi saya yakin, bila UMNO berkuasa, keadaan akan jadi bersih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz, penghabisan soalan tambahan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini dalam surat khabar kita terbaca soal rasuah merupakan headline, terutama sekali apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiri sebagai Ketua Kerajaan menyatakan berkenaan dengan perkara ini. Soalannya ialah memandangkan bahawasanya ekonomi kita meningkat sejak beberapa tahun ini pertumbuhan 8.2% dan seterusnya, adakah keadaan rasuah ini membimbangkan dari segi negara kita dan bagaimana kalau ianya dibandingkan dengan negara-negara lain kerana kalau dapat penjelasan ini mungkin ia dapat memberikan kita satu keadaan yang lebih selesa bagi berdepan dengan masa hadapan kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang memang ada yang menentukan apa dianya rasuah dan apa yang bukan rasuah. Tetapi selain daripada itu mereka yang memegang jawatan tinggi bukan sahaja harus bebas daripada rasuah tetapi harus ternampak bebas daripada rasuah. Kalau pun kita bersih tetapi ternampak kita kotor, itu tidak mencukupi. Kita mestilah bersih dan ternampak bersih. Sebab itu, saya sering menekankan betapa pentingnya kita elak daripada terjebak dalam keadaan yang menyebabkan orang lain boleh menuduh kita terlibat dengan rasuah. Mungkin tidak ada rasuah tetapi ternampak orang menyoal kenapa kita ada duit yang begitu banyak sedangkan kita tidak patut ada duit yang begitu banyak. Mungkin ada sebab yang benar kenapa kita mempunyai wang yang begitu banyak, tetapi bagi orang lain, mereka anggap keadaan itu sebagai bukti rasuah pula. Sebab itu, bagi ahli-ahli

anggota kerajaan, kita menasihatkan supaya jangan menampakkan seolah-olah kita mempunyai lebih daripada yang patut ada kepada kita. Jadi, kita patutlah ternampak jelas tidak terlibat dengan rasuah dan bersih. Sebab itu, saya berkali-kali bercakap berkenaan dengan perkara ini kerana ini amat penting bagi kredibiliti, bagi kepercayaan orang ramai terhadap anggota kerajaan dan kepada kerajaan juga.

Berkenaan dengan masyarakat mewah sama ada dia menyebabkan keadaan rasuah semakin bertambah. Saya percaya bahawa kalau kita lebih mewah, memang pun kemungkinan dan keupayaan kita memberi rasuah itu meningkat. Penerima pula memang berasa bahawa kenapa orang lain mempunyai wang begitu banyak, sedangkan dia yang bekerja ini dapat saraan yang kecil sahaja. Jadi, keadaan dalam masyarakat yang mewah ini memang meningkatnya kemungkinan rasuah berlaku. Sebab itu, bila kita mewah kita harus lebih tegas dan lebih berhati-hati dalam perkara ini supaya rasuah tidak menjadi satu amalan yang sudah diterima oleh masyarakat, dan dengan itu masyarakat akan memberi rasuah sebagai perkara biasa sama dengan bayar duit tiket sahaja. Hendak beli apa-apa, kena bayar tiket rasuah selain daripada tiket-tiket lain.

MSC - STRATEGI YANG MEMANFAATKAN MASYARAKAT

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah strategi kerajaan dalam melaksanakan Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam arus perkembangan teknologi maklumat terkini supaya dapat difahami dan dimanfaatkan segenap lapisan rakyat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Tuan Yang di-Pertua, satu soalan sama tajuk telah dijawab oleh kementerian semalam. Kementerian tidak ada maklumat tambahan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada dalam Dewan dan perkara ini Yang Amat Berhormat sendiri yang mula mencetuskan, saya minta kalau boleh Yang Amat Berhormat memberi penjelasan. [*Ketawa*]

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, strategi kerajaan mudah sahaja. Kita mengadakan rancangan ini dan kita memberi galakan supaya rancangan ini dapat dilaksanakan, disokong oleh pihak yang berkenaan, dan kita memberi berbagai kemudahan untuk menjayakan MSC dan perkembangan teknologi maklumat. Tidak ada perkara yang luar biasa dalam usaha dan strategi kita untuk menjayakan MSC dan teknologi maklumat.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah oleh kerana wanita merupakan separuh daripada rakyat Malaysia, apakah langkah kerajaan supaya wanita tidak terpinggir dalam arus zaman information technology ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan jawab soalan tersebut secara bertulis.

BORANG MASUK UNIVERSITI - SEBAB KEKURANGAN

7. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pendidikan menyatakan pada tahun 1996 borang permohonan kemasukan universiti tempatan telah diedar dan

dijual melalui Pejabat Pos. Ada ramai pelajar tidak sempat membelinya dari Pejabat Pos. Mereka terpaksa membelinya daripada orang luar dengan harga di antara RM50 hingga RM60 satu set. Harga sebenarnya ialah RM11.50 satu set. Sila nyatakan:-

- (a) berapa set telah dicetak dan dijual pada tahun 1996; dan
- (b) berapa set telah dicetak pada 1997.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan,

- (a) Bagi sesi 1996/1997 sebanyak 60,000 borang permohonan kemasukan ke universiti peringkat ijazah pertama telah dicetak. Jumlah yang dijual adalah sebanyak 48,200 dan baki yang belum dijual sebanyak 11,800.
- (b) Untuk sesi 1997/1998 pula sebanyak 55,000 borang telah dicetak dan jualanannya sebanyak 52,000 borang. Baki borang yang tinggal adalah sebanyak 3,000.

**GERAN HARTANAH PESARA YANG MENYELESAIKAN
PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN - KELEWATAN
MENDAPAT KEMBALI**

8. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa ramai kakitangan kerajaan yang telah bersara dan telah menyelesaikan pinjaman perumahan dengan kerajaan, gagal untuk mendapatkan kembali suratan asal hakmilik hartanah yang dicagarkan atau kadangkala Bahagian Pinjaman mengambil masa selama 3 tahun untuk melaksanakan satu-satu pelepasan gadaian dan mengembalikan geran hartanah berkenaan. Jika sedar, bolehkah pihak kementerian mengkaji perkara ini supaya penerima yang memerlukan geran itu dapat menerimanya dalam tempoh enam bulan dari tarikh penyelesaian pinjaman tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa sebilangan kecil pesara terpaksa menunggu agak lama, tetapi bukan gagal seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat untuk mendapatkan balik suratan hakmilik mereka. Bagaimana pun, Bahagian Pinjaman Perumahan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah berusaha sedaya-upaya untuk menangani masalah tersebut.

Semenjak piagam pelanggan di Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan diperkenalkan, kebiasaannya satu-satu suratan hakmilik akan dilepaskan kepada peminjam dalam tempoh lebih kurang satu bulan dari tarikh pinjaman disahkan telah menyelesaikan pinjamannya. Setakat bulan April tahun ini sejumlah 58,503 keping suratan hakmilik telah dilepaskan kepada peminjam atau pesara yang menggunakan Pinjaman Perumahan Kerajaan. Kadangkala pesara merungut tidak menerima suratan hakmilik mereka, kerana dokumen yang dihantar kepada mereka melalui pos berdaftar tidak dapat disampaikan atau sebab tidak dituntut atau pesara berkenaan telah pindah rumah.

Pada tahun 1996 terdapat 149 suratan hakmilik dipulangkan kepada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan, dan setelah siasatan serta pengesahan dengan jabatan lain tentang alamat peminjam, sebanyak 50 keping suratan hakmilik dapat diposkan semula kerana mereka yang telah menyelesaikan hutang pinjaman perumahan mereka. Dalam hal pelepasan

suratan hakmilik harta Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti Bahagian Pencen di JPA, wakil Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta semua ketua jabatan di tempat terakhir di mana peminjam berkenaan berkhidmat sebelum bersara. Pesara sendiri haruslah bekerjasama dengan mengemaskinikan rekod-rekod penting yang berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan akaun pinjaman perumahan yang disenggarakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Pegawai (BPPP) melebihi 400,000 apakah cadangan BPPP untuk membaiki proses kutipan balik baki hutang pinjaman ini khususnya daripada pesara supaya akaun-akaun pesara dapat dikemaskinikan secara lebih cekap dan cepat dan yang tidak menyelesaikan ini apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya faham mengenai perkara ini sangat dekat di hati Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana ramai daripada Ahli Yang Berhormat yang bersara di sini. Walau bagaimanapun, Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan (BPPP) telah mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya potongan pencen untuk bayaran balik pinjaman perumahan diuruskan terus oleh bank-bank komersial yang mengendalikan akaun pesara yang berkenaan supaya segala bayaran balik itu dapat diterima lebih awal oleh pihak kementerian. Kaedah ini dijangka dapat mengatasi kelewatan wang bayaran balik diterima

oleh kementerian, dan ini akan memudahkan kerja-kerja mengemaskini akaun pinjaman pesara, dan diharapkan akhirnya nanti melepaskan surat hakmilik dalam jangka satu bulan seperti yang tercatat dalam piagam pelanggan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita akui banyak rungutan yang dikemukakan kepada Bahagian Pinjaman Perumahan, dan bahagian ini bukanlah satu bahagian yang pakar dalam soal pinjaman. Jadi, supaya bahagian ini lebih efisien, adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan ataupun bekerjasama dengan pihak-pihak bank yang telah pun sedia ada yang terlibat dalam hal-hal pinjaman perumahan ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang sedang berbincang untuk menswastakan perkhidmatan ini.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mereka yang mempunyai pinjaman perumahan melalui Kementerian Kewangan mereka mendapat penyata pinjaman setahun sekali. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan 'on-line' melalui komputer supaya mereka yang meminjam dapat selalu menyemak pinjaman-pinjaman yang masih lagi ada dalam pinjaman perumahan ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai 'centralized data', dengan izin, jadi on-line adalah merupakan satu perkara yang dipandang berat. Kerana kita sekarang ini pun sedang cuba menswastakan perkhidmatan ini, kita harapkan apabila

perkhidmatan ini diswastakan, pihak-pihak yang tertentu akan mengadakan on-line services.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa peminjam-peminjam daripada negeri Sabah merungut bahawa pinjaman mereka terlalu lambat. Apakah ini boleh dipercepatkan, khusus barangkali kerana sebahagian agak jauh daripada sini, dan saya difahamkan di Sarawak juga agak lambat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pinjaman-pinjaman ini bukan sahaja terletak kepada jabatan ini sahaja, tetapi juga berkait dengan Jabatan Pendaftaran Negara, kalau misalnya hendak membeli hakmilik hartanah dan juga mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga ketua jabatan yang berkenaan. Oleh kerana penyelarasan itu tidak begitu cepat, segala borang-borang yang sampai ke bahagian kita selalunya ada silap dan salahnya dan terpaksa dipulangkan balik kepada peminjam yang berkenaan. Kalau perkara ini dapat dibereskan dengan segera, kita berharap supaya dengan adanya piagam pelanggan yang kita katakan tadi, semua urusan rasmi itu akan kita selesaikan dengan begitu cepat.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa pinjaman perumahan adalah melibatkan rumah-rumah yang tidak mempunyai suratan hakmilik asal dan pinjaman masih dikeluarkan. Soalan saya ialah bagaimanakah kerajaan mengawal selia memastikan bahawa suratan hakmilik atau geran tanah yang mana pinjaman dikeluarkan dapat

dikemukakan kepada Kementerian Kewangan kerana banyak rumah seperti strata title dan sebagainya tidak mempunyai geran semasa pinjaman dibuat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sekarang ini apa yang kita harapkan dengan adanya pengemasan-pengemasan prosedur dan kaedah tertentu bahawa segala pinjaman-pinjaman yang hendak dilakukan kepada bahawa ini akan dapat diperkemarkan, dan kalau tidak nanti perkara-perkara ini akan menjadi satu perkara yang paling cerewet kepada pinjaman-pinjaman. Terutamanya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi strata title agak lewat dan kita meminta supaya dapat strata title itu dibuat dahulu kemudian dapat dipinjamkan kepada kita.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini oleh kerana kita memerhatikan bahawa strata title itu melibatkan kementerian-kementerian yang lain, kadang-kadang kita juga dengan belas ihsan akan membenarkan pinjaman itu dibuat walaupun strata title belum diperolehi.

TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA

9. **Puan Sri Sarasa Pasamanikam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian mempunyai rancangan atau apa-apa cadangan untuk bekerjasama dengan kementerian lain dalam rancangan Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia; dan
- (b) apakah pendapat kementerian dalam mengadakan program lanjutan untuk membantu usahawan-usahawan yang berjaya dalam skim Tabung Ekonomi Belia untuk menceburi bidang perusahaan mereka di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato'

Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk menentukan kesejahteraan dan kejayaan belia-belia dan remaja kita. Golongan usahawan belia mendapat bantuan dan khidmat nasihat melalui institusi-institusi kewangan seperti bank-bank dan lain-lain lagi. Program Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia akan terus membantu untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda dari kalangan belia melalui skim pengurusan dan khidmat nasihat serta susulan semasa, di samping membantu mengembangkan kewangan yang telah diusaha secara kecil-kecilan sebelum ini. Pada masa ini KBS sedang bekerjasama dengan BSN Komersial untuk menguruskan pinjaman Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia Berniaga dan ianya akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa program Khidmat Bimbingan Projek adalah penting untuk meningkatkan prestasi dan mengekalkan daya maju projek-projek tabung kumpulan wang amanah pembangunan ekonomi belia. Bagi

maksud ini, kementerian akan bekerja sama dengan dewan-dewan perniagaan dalam usaha pendedahan ini dan meneroka peluang-peluang perniagaan baru di peringkat antarabangsa melalui misi-misi pelaburan mereka.

Saya percaya badan-badan tersebut dengan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki boleh membantu usahawan belia ke arah kecemerlangan dan sekaligus melibatkan diri dalam perniagaan yang lebih besar dan mencabar. Kementerian memberi segala galakan kepada belia-belia untuk menyertai program lawatan ke luar negara. Penyertaan usahawan belia ini di harap dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dan mewujudkan rakan niaga di peringkat antarabangsa, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, nampaknya tadi Yang Berhormat Dato' dua-dua orang tu begitu ghairah nak bantu Setiausaha Parlimen untuk boleh bercakap, terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini berapa ramaikah usahawan dari belia-belia ini yang dapat dibimbing dan di pupuk untuk menjadi golongan pertengahan bumiputra seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebab golongan-golongan ini kalau betul-betul diberi panduan dan bimbingan mereka ini akan menjadi pelapis

membantu untuk mewujudkan golongan pertengahan. Berapa ramai dan berapa banyakkah modal pelaburan yang terlibat setakat ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat pada waktu ini. Walau bagaimanapun akan saya hantar kepada Ahli Yang Berhormat secepat mungkin.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Soalan tambahan, berapa ramai belia-belia yang telah pun dapat pinjaman dari wang amanah perniagaan ini dan apakah nampaknya kejayaan yang telah pun diberi kepada pinjaman belia-belia tersebut?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon maaf kerana jikalau perlu angka yang tepat saya akan hantar secara bertulis. Walau bagaimanapun ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak kementerian merasakan bahawa program ini amat berjaya memandangkan dengan respons yang telah diberi kepada projek ini oleh semua belia dan remaja yang ada dan kami di kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk menjayakan program ini, terima kasih.

RUNTUHAN DI GUA TEMPURUNG - SEBAB TIDAK DIBAIKI

10. **Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapa runtuh tanah di Gunung Tempurung tidak dibaiki lagi dan apakah keterangan kelambatan kerja-kerja memperbaikinya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja membaiki cerun runtuh di Gua Tempurung dijangka akan dilaksanakan tidak

lama lagi. Pihak PLUS telah dan akan mengeluarkan tender untuk kerja-kerja pemulihan di Gua Tempurung yang dibahagikan kepada dua pakej:

- (1) kerja-kerja menstabilkan cerun atau 'rock stabilization' dengan izin, tender akan dipanggil tidak lama lagi.
- (2) kerja menjajarkan semula jalan atau 'road alignment' dengan izin yang melibatkan pembinaan jalan baru, tender bagi pakej ini telahpun ditutup. Penilaian sedang dibuat dan tidak lama lagi akan dibagikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memerlukan masa untuk menjalankan siasatan dengan terperinci berhubung dengan tragedi ini dan seterusnya menetapkan kaedah yang terbaik bagi mengatasi masalah cerun runtuh di Lebuhraya Utara-Selatan bukan sahaja di kawasan Gua Tempurung tetapi juga di cerun-cerun lain di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan yang berpotensi akan runtuh, terima kasih.

Tuan M. G. Pandithan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa lama lagi, tidak lama itu berapa lama?

Datuk Railey Jeffrey: Ada dikeluarkan, memang tak lama lagi. Pakej yang kedua telahpun ditender dan tidak lama lagi akan di 'award'lah, akan diberikan kepada yang berjaya. Dan pakej yang pertama tadi akan dipanggil tender tidak berapa lama lagi. *[Ketawa]* Jadi maknanya yang kedua akan

bermula dalam sedikit masa dan kemudian yang pertama akan selepas ditender akan di'award' kepada yang berjaya tidak lama lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hai, ramai Yang Berhormat dari kaum wanita kita hendak bercakap. Apa hal? *[Ketawa]* Yang Berhormat Mastika.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah penemuan-penemuan yang telahpun didapati hasil dari tanah runtuh di Gua Tempurung dan sebentar tadi saya mendengar ada disebut kawasan-kawasan yang berpotensi akan runtuh. Di manakah kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk runtuh dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan supaya memastikan peristiwa ini tidak berulang?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Siasatan menunjukkan berlakunya cerun runtuh di Gua Tempurung ialah daripada keadaan muka bumi secara ringkaslah. Jadi maknanya dalam usaha kita untuk membaiki sama ada jalan persekutuan ataupun jalan swasta keadaan yang sama berlaku di mana-mana yang diluar dugaan manusia. Dan disamping itu memang banyak, selepas peristiwa Gua Tempurung, Kementerian Kerja Raya telah meminta semua pengarah Kerja Raya seluruh Malaysia untuk mengemukakan seberapa banyak yang ada, tempat-tempat yang berkemungkinan yang 'high risk' dengan izin untuk runtuh dan kita telahpun menerima dari berbagai negeri yang menunjukkan ada 13 jalan yang melibatkan

kemungkinan-kemungkinan cerun-cerun akan runtuh. Walau pun saya tidak payah menyebutkan satu persatu cerun-cerunnya di jalan mana tetapi itulah yang kita dapati sekarang ini telah kita kemukakan kepada kerajaan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-7 ini supaya dapat diberikan peruntukan agar cerun-cerun ini dapat diperbaiki, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah sila beri peluang Menteri lain pula menjawab soalan lain, boleh tak? Yang Berhormat, soalan No. 11 ya?

PERKESO - MEMPERLUAS SKIM FAEDAH BAGI WANITA BERSALIN

11. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) adakah cadangan kementerian untuk memperluaskan skim faedah PERKESO kepada skim insuran bagi wanita bersalin, ahli-ahli sakit dan juga keluarga yang ditimpa kemalangan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan PERKESO kepada rakyat Malaysia yang bertugas di negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Brunei.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan;

- (a) Kementerian Sumber Manusia ada rancangan jangka panjang untuk memperluaskan faedah PERKESO kepada skim insuran bagi wanita bersalin dan sakit. Sehubungan itu kajian teliti mengenai kemungkinan ini sedang dijalankan. Sementara itu kementerian tidak ada cadangan untuk mewujudkan skim yang

memberi perlindungan kepada ahli keluarga yang ditimpa kemalangan kerana perkara tersebut adalah keluar dari skop pekerjaan.

- (b) Kementerian Sumber Manusia memang berhasrat untuk memperluaskan perlindungan PERKESO kepada rakyat negara ini yang bertugas di Thailand, Singapura dan Brunei. Sehubungan itu kajian mengenai kemungkinan perkara tersebut dilaksanakan sedang dijalankan. Kajian tersebut akan mengambil masa memandangkan ianya membabitkan negara luar dan maklumat-maklumat yang perlu dikumpulkan itu misalnya jumlah dan butiran pekerja dan majikan sukar untuk diperolehi. Kementerian akan lebih jelas tentang kesesuaian melaksanakan rancangan ini setelah selesai kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.12 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.”[12 Mei 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali menyambung.

3.37 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam diwaktu saya mengambil bahagian dalam perbahasan dan sebelum ditangguhkan, saya sedang menyentuh perkara isu yang berkait dengan rasuah. Dan pada hari ini alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hadir ke Dewan Negara untuk menjawab soalan bersabit dengan rasuah dan sikap yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan datang sendiri untuk menjawab hal perkara rasuah membuktikan betapa

Perdana Menteri kita mengambil berat dalam soal memerangi apa yang dikatakan gejala rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, amat tertarik apabila disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa rasuah ini bukan sahaja ianya mesti bersih tetapi nampak bersih, ternampak bersih. Yang bererti kalau seseorang itu memiliki harta kekayaan yang di luar kemampuan maka boleh disyaki seseorang itu mungkin tidak bersih.

Persoalan yang timbul, Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan ini berlaku bagaimanakah kerajaan hendak menangani masalah rasuah? Sebab seseorang hanya boleh diambil tindakan kalau dianya terbukti atau mendapat bukti yang cukup, cukup evidence untuk dibawa ke mahkamah, ada prima facie, ada kes, tetapi kalau sukar mendapat bukti dan sukar untuk pihak-pihak yang mengetahui bekerjasama untuk memberi maklumat walaupun terjamin, dilindungi kerahsiaannya dari segi pemberi maklumat. Tetapi sukar untuk diambil tindakan, untuk mendapatkan bukti untuk pihak BPR mendakwa seseorang yang disyaki terlibat dalam rasuah.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan secara khusus mengenai dengan perkara ini bagaimana caranya? Adakah cukup dan memadai walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi penjelasan sebentar tadi tetapi bagaimana cara untuk hendak mengatasi masalah ini. Masalah yang kita bangkitkan seseorang itu hendaklah bersih tetapi nampak bersih dan kita dapati seseorang itu memang nampak ataupun tidak rasuah kerana tidak ada

bukti tetapi kita syaki kemungkinan dengan izin berlaku dengan apa yang dikatakan moral korup, buat rasuah tetapi lepas daripada undang-undang.

Macam mana hendak mengatasi masalah ini? Sebab inilah perkara yang saya kira sukar untuk diatasi dari segi apa yang sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi, bagaimana keras sekalipun undang-undang. Mandatory, hukuman mandatory kepada mereka-mereka yang mengedar dadah, sebagai satu pengajaran tetapi masalah pengedaran dadah juga tidak terhenti malah angkanya makin meningkat daripada hukuman yang telah ditetapkan oleh mandatory mati. Walaupun telah dicuba dengan berbagai cara.

Begitu juga mungkin dengan hal rasuah, maka sebab itu saya percaya, walau macam manapun sedikit sebanyak kerajaan wajarlah melihat balik undang-undang dan kuasa yang ada di bawah Badan Pencegah Rasuah. Kalau ada di mana-mana loophole maka undang-undang itu mestilah dipinda. Dan saya percaya perkara yang paling baik sekali, paling afdal dari segi pendidikan kepada rakyat apabila pemimpin nampak bersih maka dengan sendirinya ianya akan menjadi ikutan. Antara lain perkataan, kalaulah pemimpin-pemimpin semuanya bersih dan kelihatan bersih, ternampak, saya percaya kakitangan kerajaan juga nampak bersih dan rakyat juga nampak bersih.

Maka ianya bermula daripada pemimpin yang seharusnya menjadi contoh. Tetapi saya telah bangkit tadi, masalah pengisytiharan harta oleh anggota Kabinet, Menteri Besar ataupun anggota Exco Kerajaan Negeri yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah cukup. Saya kira

ianya menampakkan satu kesungguhan kalaulah declaration ini dikehendaki dibuat sepanjang tahun. Sekarang ini declaration ini hanya sekali, apabila seseorang anggota Kabinet ataupun Exco mengangkat sumpah.

Saya mencadangkan supaya diadakan tiap-tiap tahun. Macam kita buat tiap-tiap tahun kita kena isi borang declaration mengenai dengan income tax, mengenai dengan cukai, macam-macam kita kena isi. Begitu jugalah dengan pemimpin-pemimpin diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tiap-tiap tahun. Dan kalaulah declaration itu dibuat setiap tahun ada statutory declaration. Tahun ini hartanya, contoh 1 juta, tiba-tiba selepas pegang jawatan 2 juta, nak bohong tak boleh, sebab statutory declaration 'Commissioner of Oaths' boleh didakwa dan boleh disabit kesalahan.

Kalau ini dilakukan, saya percaya ia bukan sahaja memantapkan lagi kerajaan, meningkatkan lagi integriti yang dikatakan transparent dan apabila pemimpin bersih saya percaya ianya akan bersih terus sampai ke bawah. Kalau tidak memang sukar untuk kita menangani masalah gejala sosial.

Begitu juga dengan soal kenaikan pangkat, saya ingin mengulangi, kenaikan pangkat baik di kalangan kerajaan, baik di kalangan anggota kerajaan ataupun anggota Kabinet ataupun Exco, ianya diharuskan berasaskan kepada integriti, bersih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, bukan sahaja cekap tetapi bersih. Cekap sahaja kalau tak bersih - tak cukup. Tinggi kelulusan sahaja, tak bersih tak cukup. Pandaikah, ada PhD, kalau tak bersih tak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan kenyataan Sultan Selangor, bersih bermakna bodoh sedikit pun tidak mengapa tetapi bersih. *[Ketawa]* Bottom line, clean, bersih. Kalau tak pandai, maknanya kalau

sesuatu perkara itu hendak dibuat dalam masa lima hari kerana tak pandai jadi sepuluh hari, tetapi tidak hilang, sebab pemimpin itu bersih. Tetapi yang terlajak pandai kalau tak bersih, dia boleh buat tiga hari, habis kaut semua sekali hilang. Ini yang dikatakan bersih.

Oleh itu, baik kakitangan kerajaan, baik anggota Kabinet ataupun di peringkat Exco kerajaan negeri, ianya mesti dilihat bersih, jangan kira sangat soal 'seniority', saya tak kisah soal seniority, seseorang itu penting seniority, kalau orang itu sudah betul bersih, maka mestilah dikira seniority ini. Tetapi kalaulah yang senior tidak ada, hah! Yang di luar pun kena carilah, pokok pangkalnya 'bottom line' bersih, 'b-e-r-s-i-h', bersih! Kelihatan dan dilihat bersih. Bersih segala-galanya, bersih kepala, bersih tangan, bersih jiwa semua sekali bersih, mempunyai nilai peri kemanusiaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya cukup seronok bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab dan di dalam Majlis Tertinggi pun apabila Perdana Menteri bercakap kemajuan kita tidak akan bermakna, negara kita kalau maju dan dihormati macam mana tinggi sekali pun, tetapi kalau berlaku amalan rasuah, ianya boleh merosakkan negara dalam sekelip mata sahaja. Dan Perdana Menteri begitu terbuka apabila bercakap soal rasuah.

Sebab itu, saya cukup menyanjung tinggi, jarang seorang pemimpin negara, Perdana Menteri begitu 'transparent' membicarakan soal isu rasuah ini, berbeza dengan sikap parti-parti Pembangkang, jauh bezanya, kalau ditanya Nik Abdul Aziz, perjuangan kita 'Islam'. Islam menentang rasuah, apabila

berlaku rasuah di kalangan pemimpin mereka, kalau kita tanya kenapa nampak Exco kerajaan negeri PAS ini kaya, dia kata: “Ha, itu kehendak Allah S.W.T.” Dia jawab macam itu. Segala-galanya kehendak Allah S.W.T.

Berbeza, tak mahu langsung berbincang, tetapi sekurang-kurangnya tengok bagaimana Perdana Menteri kita mengendalikan negara yang didapati menimbulkan sesuatu pertanyaan oleh pihak rakyat, oleh orang ramai maka cepat-cepat diambil tindakan dan diselesaikan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi gejala ini, kalau tidak diperangi habis-habisan dalam suasana negara kita membangun, lebih-lebih lagi dalam era Multimedia Informasi Teknologi ini dan melihat perkembangan pertumbuhan ekonomi yang akan datang. Sememangnya sudah barang tentu dan dalam keghairahan kita juga untuk mempercepatkan sesuatu projek, sudah barang tentu akan berlaku kelemahan-kelemahan yang boleh membabitkan rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa.

Maka sebab itu, saya cadangkan tadi supaya Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir, walaupun sudah kita yakini dia tegas dan kita akan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi dari segi soal ketegasan ini supaya memerangi baik pemimpin-pemimpin dalam kerajaan, baik pegawai-pegawai kerajaan, baik hatta rakyat sekali pun mana-mana individu yang didapati salah mesti dihukum.

Walaupun hukuman telah ada mengikut apa yang dijawab tadi, tetapi kalau setengah-setengah hukuman patut dijadikan mandatori sama dengan

dadah ini. Sebab rasuah ini sama dengan dadah, sekali buat dia akan buat. Ada sejuta tak cukup, dua juta. Ada dua juta tak cukup, tiga juta. Sebab dahulu harga mee tetap dengan harga RM3 sepinggan, bukan main sedap, tak payah bayar sampai RM10,000 atau RM20,000, RM3 pun cukup dekat rumah saya di Kelantan ada nama 'Mee Pok San' - RM2 dengan RM3 sahaja, tak sampailah RM10,000, RM20,000 atau RM30,000.

Jadi, kekayaan itu hendak juga, tetapi ada setengah-setengah pihak mereka mengejar kekayaan seolah-olah mereka tidak akan mati ataupun mereka tidak akan pulang kerahmatullah. Mereka anggap bahawa mereka akan hidup selama-lamanya di dunia ini. Kesedaran inilah yang kita hendak tanamkan, tetapi ianya tidak cukup selain daripada kita mewujudkan undang-undang yang lebih keras, yang lebih tegas sehingga kepada peringkat mandatori dan kita tidak harus ada simpati kepada mana-mana pemimpin, pegawai kerajaan yang dituduh sabit dengan rasuah. Tidak ada simpati, kita tidak patut rasa bahawa apabila timbul sesuatu tindakan terhadap mana-mana pihak, kita merasakan suatu simpati. Sebab ini seharusnya dijadikan budaya iaitu budaya kita, rasuah, dadah ini merupakan di antara penyakit yang kita hendak jauhkan sejauh-jauhnya sampai ke akar umbi kita mahu masyarakat kita bersih, kerajaan kita bersih, pemimpin kita bersih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya, saya ada menyebut juga tadi waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan rasuah

mengenai dengan agama iaitu menggunakan agama sebagai satu umpan untuk satu parti politik mendapat sokongan daripada rakyat.

Dalam surat khabar *Berita Harian* bertarikh 12hb. Mei dan kenyataan Menteri Besar Kelantan, 'Nik Aziz minta UMNO beri laluan' iaitu sabit dengan kenyataan Menteri Besar yang dianggap ulama ataupun digelar 'Tok Guru' yang meminta UMNO supaya jangan ganggu PAS Kelantan. Dengan lain-lain perkataan, berilah PAS memerintah Kelantan kerana PAS ini parti Islam, berilah peluang kepada PAS melaksana hukum Islam, tak payahlah UMNO mengganggu-gugat lagi di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kenyataan ini bukan kenyataan baru, sudah banyak kenyataan sebelum ini, tetapi saya bangkitkan perkara ini sepertimana soalan tambahan saya tadi iaitu kenyataan ini sekali lagi seorang ulama, seorang Tok Guru menyalahgunakan kedudukannya di mana membuat kenyataan seolah-olah PAS itu ialah agama di mana undi PAS ataupun sokong PAS, sokong Islam, seolah-olah UMNO ini tidak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini cukup mengelirukan, cukup bahaya dari segi akidah. Dahulu kerajaan mengambil tindakan terhadap Al-Arqam mengenai dengan isu Aurad Muhammadiyah. Tetapi terhadap PAS sukar untuk kerajaan mengambil tindakan, walaupun kita dapati bahawa PAS menyeleweng dari segi agama yang membabitkan juga soal akidah yang lebih serius daripada apa yang dilakukan oleh lain-lain pertubuhan. Bukan sahaja mengkafir sehingga hari ini sesama umat Islam, membuat kenyataan orang lain tidak

Islam, menyebut orang-orang Islam pemimpin lain sebagai mendiang dan macam-macam lagi kenyataan-kenyataan yang karut sehingga memang ada rakyat umat Islam di Kelantan percaya undi PAS itu boleh menjamin mereka masuk syurga. Bererti ini suatu perbuatan yang salah dari segi akidah. Tetapi, kita sedar memang susah dan sukar untuk kerajaan mengambil tindakan oleh kerana PAS parti politik.

Kalau diharamkan PAS sebagai satu parti politik maka dunia luar yang saya sebut semalam yang ingin melihat Malaysia runtuh di atas kejayaan kita akan mengambil kesempatan mengatakan kita tidak demokratik.

PAS akan menjaja isu pengharaman mereka ini di Timur Tengah bahawasanya Kerajaan Malaysia anti Islam, buktinya mengharam parti Islam kononnya ataupun mengharamkan pergerakan Islam dan inilah kerumitannya yang akan dilihat kita tidak demokratik dan menekan golongan pergerakan Islam. Tetapi, sebenarnya perbuatan mereka sudah jauh menyeleweng dari segi akidah dan ini ada bukti.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya bukan soal politik merebut kuasa, kenyataan kita kepada rakyat Kelantan, kita menyeru kepada rakyat Kelantan supaya cepat sedar dan cepat insaf terutamanya majoriti rakyat yang menyokong PAS bukan kerana kita berebut kuasa, Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan membuat kenyataan demikian bukan kerana Islam semata-mata kerana hendak kekal jawatan sebagai Menteri Besar, kerana kedudukan, kerana jawatan, tidak lebih daripada itu.

Dan yang menghairankan waktu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita melawat Kelantan baru-baru ini sesudah menerima Anugerah Almarhum Malik Faisal, Nik Aziz menyambut Perdana Menteri kita di lapangan terbang, awal-awal lagi berada di lapangan terbang dan ada majlis baca doa secara ringkas di lapangan terbang. Dia pun berdoa sama dan buat kenyataan, dia gembira, Perdana Menteri dapat anugerah ini, dia tahu anugerah itu kerana sumbangan kepada Islam dan juga kepada dunia Islam. Ia mengakui dan apabila dia mengakui Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pejuang Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, selaku Presiden UMNO, bererti UMNO itu Islam.

Tetapi, dua hari selepas itu dia buat kenyataan pula, dia kata: "UMNO tidak Islam!" Jadi, saya pun tak tahulah dengan Nik Aziz, kenyataan seorang Menteri Besar yang bergelar Tok Guru ulama ini, hendak kata hipokrit, hendak kata 'double standard' nanti orang kata, kita ini keterlaluan, tetapi jelas 'double standard' dan hipokrit. Dan kalau dibiarkan lagi PAS ataupun Nik Aziz ini mengelirukan dan mempengaruhi pemikiran rakyat Kelantan, apa akan jadi kepada umat Islam di Kelantan ataupun apa akan jadi kepada Kelantan itu sendiri?

Saya percaya UMNO tidak tamak kuasa, UMNO sudah memerintah semua negeri di Malaysia kecuali di Kelantan - Barisan Nasional. Kalau dilihat dari segi sudut itu, tetapi kenapa kita perlu menyelamatkan Kelantan? Sebab ianya membabitkan soal akidah dan 98% hampirlah dekat-dekat 100% majoriti rakyat Kelantan ialah umat Islam. Dan negeri Kelantan ini merupakan salah sebuah negeri yang begitu strategik dilihat dalam konteks globalisasi sekarang ini. Apabila Vietnam sudah bermula kembali kepada dasar ekonomi terbuka.

Laos, Vietnam saya sebutkan tadi, Kambodia negara-negara dahulu yang berfahaman komunis, walaupun masih lagi dengan dasar sosialismenya tetapi amalan ekonomi sudah menjalankan dasar ekonomi terbuka dan Kelantan juga termasuk dalam program pembangunan Segi Tiga Emas yang disebutkan tadi dan bukan setakat itu sahaja, tetapi lebih penting saya katakan tadi dari segi terpesongnya akidah umat Islam dan memandangkan jumlah rakyat Kelantan yang beragama Islam ini yang boleh menjadi benteng dan kekuatan kepada Islam itu sendiri dalam konteks nasional negara kita, maka mahu tidak mahu Kerajaan Pusat mesti berusaha lebih bukan untuk bersaing dari segi politik antara UMNO dengan PAS tetapi menyelamatkan Kelantan daripada hancur oleh pihak pimpinan yang semakin sehari semakin redikal, makin sehari makin jauh terpesong dari segi Islam.

Sudah barang tentu saya percaya umat Islam di negara kita tidak mahu melihat ataupun rakyat Malaysia di negara kita tidak mahu melihat Kelantan jadi sebuah negeri seperti setengah-setengah negara, kita tidak mahu mendengar cerita seperti Pakistan, seperti Iran. Kita bukan hendak mencampuri urusan lain-lain negeri, tetapi sebagai perbandingan kalau tidak dibendung cepat, keadaannya boleh menjadi buruk dan kalaulah keadaan menjadi buruk di Kelantan ia juga terjejas di seluruh negara. Negeri lain juga terjejas, nama Malaysia juga akan terjejas.

Maka sebab itu, kita berpendapat bahawa sesuatu haruslah dilakukan, pendekatan barukah ataupun bagaimana bentuknya terserah kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan mesti mencari jalan melakukan publisiti yang lebih meluas seperti saya katakan tadi ‘kempen anti rasuah’, ‘kempen anti dadah’, ‘kempen keselamatan jalan raya’, ha, ini kempen anti PAS sama sahaja, sebab semua ini adalah penyakit kepada masyarakat semua, penyakit yang boleh membawa kepada kemudaratan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh isu-isu yang spesifik, pertama bersabit dengan masalah lalu lintas di bandaraya Kuala Lumpur. Masalah kesesakan lalu lintas di bandaraya kita yang semakin

sehari semakin teruk dan nampaknya tidak ada banyak perubahan walaupun sudah diwujudkan Jawatankuasa Kabinet untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandaraya kita.

Saya ingin mengemukakan cadangan Tuan Yang di-Pertua - semua sudah keluar tinggal Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sahaja. Saya harap saya tidak bercakap dengan bangku di dalam Dewan ini.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, kesesakan di bandaraya hari ini berlaku yang paling teruk ialah pada hari Sabtu. Walaupun hari-hari lain memang teruk, kalau hujan Tuhan sahaja yang tahu, sakit jantung, 2 jam, 3 jam, jadi, bermacam-macam usaha sudah dibuat. Saya ada satu cadangan ajaib iaitu cadangan 'lampu aladin' boleh selesai. Saya berharap kerajaan dapat pertimbangkan dan kita tahu kesesakan berlaku ialah pada hari Sabtu dan kenapa kesesakan berlaku dengan begitu serius sekarang ini? Ialah kerana pembinaan infrastruktur iaitu LRT, komuter dan lain-lainnya yang berkait dengan masalah Sukan Komanwel tahun 1998, maka berlakulah kesesakan, kerana setiap hari tidak kira waktu lori, jentera-jentera berat, waktu pegawai-pegawai kerajaan keluar rumah untuk ke pejabat, waktu itulah lori atau kenderaan-kenderaan berat masuk, maka berlakulah kesesakan.

Caranya saya ingin mencadangkan apa kata kalau sehingga Sukan Komawel, sehingga tahun 1998 kerja lima hari seminggu, hari Sabtu tidak payah kerja - cuti, tetapi sehingga tahun 1998, sehingga selesai projek-projek pembangunan infrastruktur. Sebab hari Sabtu saya tengok Tuan Yang di-

Pertua, kerja sekerat hari, kakitangan kerajaan keluar rumah pada pukul 7.30 pagi, pukul 7.00 atau pukul 6.30 pagi sampai pukul 10.00 pagi ada yang sampai pada pukul 11.00 pagi, selepas itu mereka hendak keluar pada pukul 1.00 tengah hari. Dia tahu kalau dia keluar pada pukul 1.00 tengah hari, dia tahu jam, kalau keluar lambat. Sebab itu saya tengok kalau yang perempuan, kalau pukul 12.00, kalau ada gincu semuanya masuk dalam beg, tengok jam, ready semua kerana pada pukul 1.00 tengah hari hendak cabut, tidak boleh salahkan kereta sebab kerana takut traffic jam, hendak naik bas dan sebagainya. Jadi, ertinya hari Sabtu saya tengok tidak begitu produktif lagi sekarang, sampai lambat, kepala fikir hendak balik cepat, takut tidak dapat bas, takut jam dan sebagainya. Tetapi kalau kerja lima hari seminggu, waktu pulang sekarang ini pada pukul 4.30 petang, apa kata kalau kita extend menjadi 5.30 petang atau 6.30 petang, tetapi digilir-gilir. Ada kementerian pada hari ini dia keluar pada pukul 5.30 petang dan ada kementerian yang keluar pada pukul 5.00 ada 5.30 atau 6.00 petang -staggered - supaya tidak pukul 4.00 petang, 4.30 itu serentak keluar, macam semut keluar. Itu yang menjadi traffic jam - kita boleh atur. Pihak kementerian boleh atur, pihak kerajaan boleh atur.

Kita katakan Kompleks Kerajaan Jalan Duta, hari ini Isnin, hari Selasa dia keluar pada pukul 5.30 petang dan yang di sebelah Jalan Ampang dia keluar pada pukul 6.30 petang atau sekurang-kurang pukul 6.00 petang, kalau tidak 5.30, 6.30 petang. Hari Sabtu bila saya kata cuti bukan untuk swasta - tidak, bank-bank boleh beroperasi macam biasa, tetapi boleh ditukar time. Kalau ini

kita boleh mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sehingga selesai projek-projek pembinaan LRT, komuter dan sebagainya, jadi, sekurang-kurangnya sehingga tahun 1998. Saya cukup yakin praktikal. Ini ada lorong untuk bas, untuk teksi, lorong kuning pun tidak efektif juga. Kadang-kadang saya tengok sesak kereta. Lorong kuning kosong sahaja, saya hendak masuk takut sebab salah, tetapi saya tengok kosong sahaja, tidak ada orang lalu, ada waktu kosong, jadi tidak praktikal juga, tetapi boleh membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas. Tetapi saya percaya cara saya tadi boleh menolong, sebab hari Sabtu saya tengok tidak betul-betul, berkejar sana - berkejar sini, ada di office satu jam atau dua jam, lebih baiklah extend sampai 5.30, 6.30 petang atau 7.30 malam - tidak apa Sembahyang Maghrib di pejabat.

Hari Sabtu bila cuti, pegawai kerajaan cuti betul-betul, cuti bersama keluarga, ini boleh membantu masalah 'Rumahku Syurgaku', jangan pula cuti pergi main golf. Ada setengah cuti, tetapi pergi bermain golf. Bukan saya anti golf - tidak, tetapi sampai 4-5 jam pun tidak jadi juga. Saya tengok kawan-kawan saya 4-5-6 jam keluar pagi Ahad sampai petang main golf pun tidak jadi juga. Tetapi boleh dimanfaatkan masa tersebut dan pada hari Sabtu dan hari Ahad kita tahu ialah hari cuti. Jadi, jentera berat boleh masuk ke Kuala Lumpur, waktu itulah loading dan building material yang berat seperti besi, simen, lori besar-besar masuk. Hari Isnin sampai hari Khamis, hari Jumaat tidak boleh masuk - bekerja, tetapi material sudah ada on site - boleh buat.

Saya percaya boleh selesai masalah kesesakan lalulintas ini - memang sakit jiwa, sakit kepala betul.

Sekarang ini pun appointment pun tidak betul, macam-macam tidak betul, kapal terbang pun tidak tunggu kita. Kita harap kalau kapal terbang pukul 9.00 kita bertolak dari rumah pukul 6.00, bila kita lewat ditinggalnya kita, bila dia lewat dia tidak apa-apa dengan kita, tetapi kalau kita lewat dia tinggal, kalau dia lewat kita kena tunggu dia - adakah patut? Tidak boleh hendak timing, jadi our time management sudah lintang pukang. Katakanlah ada appointment di satu kementerian pada pukul 11.00 pagi sama ada rakyat atau sesiapa sahaja hendak pergi pada pukul 10.00 takut awal, kalau pergi pukul 10.00 sampai pukul 11.30 temu janji sudah tidak boleh. Kalau pergi awal seperti saya katakan tadi kebetulan hari itu clear sedikit, terpacak di situ selama 1½ jam, orang ingat kita jaga lif di situ rupa-rupanya hendak jumpa orang, jadi macam-macam. Oleh itu, cara yang paling baik ialah kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan saya tadi, maknanya tidak detail saya beri, tetapi kalau ada pihak-pihak yang terlibat kerajaan hendak dapat free consultant bolehlah saya beri percuma, buah fikiran untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, maknanya kita cuti pada hari Sabtu, tetapi hari kerja pada pukul 4.30 petang diextend sehingga pukul 6.30 petang selepas itu ada yang pada pukul 5.30, ada 6.30 petang diatur begitu rupa supaya kenderaan keluar waktu tamat pejabat itu tidak keluar dengan serentak. Even ada kementerian yang kita boleh tetapkan waktu kerja pada pukul 9.00 pagi, tetapi dia kena balik pada

pukul 6.30 petang. Ada yang start pada pukul 8.00 pagi, dia kena balik pada pukul 5.30 petang - tidak serentak, kalau tidak berlakulah kelam-kabut, kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur sekarang ini. Jadi, itulah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak menyentuh ialah bersabit dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yakni saya hendak sebut perkhidmatan limousin, di mana KLIA nanti diharap mempunyai perkhidmatan limousin yang betul-betul berkesan dan bermutu tinggi. Ini bererti Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz yang mengendalikan limousin sekarang ini di Terminal 1, 2 dan 3 tidak lagi beroperasi sebab berpindah ke KLIA. Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar, pihak kementerian yang bertanggungjawab kepada hal ini telah memanggil tender di mana tender ini sesiapa hendak masuk atau syarikat hendak masuk kena ada modal berbayar RM15 juta. Ini kerana hendak standard yang tinggi, berertinya kalau syarikat yang modal berbayarnya RM14, 999,099.99 tidak boleh - RM15 juta sahaja, maka masuklah syarikat-syarikat besar dan saya lihat ada pihak-pihak yang menyertai ini sudah mula menggunakan kempen melalui akhbar - promosi. Saya tidak hendak sebutlah syarikat-syarikat yang saya maksud ini, tetapi melalui akhbar kononnya tubuhkan konsortium, ada yang menyusun yayasan perajurit dan macam-macam.

Saya menyokong apabila kerajaan hendak menentukan bahawa perkhidmatan limousin di KLIA nanti cukup-cukup bermutu tinggi, maknanya keretanya semua Mercedes, pemandunya hebat, boleh cakap Inggeris, boleh

cakap Hindu, boleh cakap Cina - semua bahasa boleh cakaplah. Kalau hendak standard itulah saya harap dengan syarat RM15, tentulah syarikat yang masuk itu tentulah sampai ke standard itu.

Walau macam manapun saya hendak ingatkan kerajaan kadang-kadang dalam kita mengejar untuk menentukan mutu ini tidak bererti yang kecil-kecil ataupun yang ada sekarang ini berkhidmat di lapangan terbang 1, lapangan terbang 2 mereka juga tidak boleh meningkat mutu. Kalau diberi bantuan, diberi sokongan, sebab perkhidmatan limousin ini bukan berkehendakkan hi-tech sampai RM15 juta paid-up capital. Kalau hi-tech dan modalnya besar, ini mahu 1,500 buah - betullah, kalau kita nilai satu Mercedes harganya RM200,000-RM300,000 mungkin bernilai RM200 juta, tetapi orang tahu beli kereta baik untuk teksi, baik untuk kegunaan sendiri orang bayar 20% atau 30% sahaja, semua itu end financing - RM200 juta tidak ada masalah, dapat ini mana-mana institusi kewangan pun boleh bantu, tinggal lagi saya maksudkan di sini apapun jangan tinggal dan janganlah periuk nasi pemandu-pemandu teksi, operator yang mencari nafkah hidup di Terminal 1, 2 dan 3 itu ditinggal-tinggalkan, ini saya punya concern, sebab tidak sedikit, sebab mereka sudah lama di sana. Kalau hendak kereta Mercedes baru, mereka boleh mengadakan Mercedes baru - tidak ada masalah, tetapi kenapa sampai RM15 juta dia punya syarat sehinggakan ada pihak-pihak lain tidak boleh masuk tender ini dan hendak satu operator sahaja, tentulah dapat kepada gergasi sebab kalau hendak cari yang the best - gergasilah, tetapi bagaimana dengan yang lain? Sebab itu

saya ingin mencadangkan mana-mana syarikat yang dapat beroperasi di KLIA nanti, limousin nanti, operator limousin di Terminal 1, 2 dan 3 harus dibawa sama dalam pakej ini, whoever dapat, sesiapa sahaja yang dapat, mesti dibawa mereka ini bersama.

Saya bimbang juga kalau tidak dikenakan syarat-syarat yang lebih ketat kalau sudah RM15 juta paid-up ini selalunya kebanyakannya ialah public company, public listed company, jarang kompeni Sdn. Bhd. kompeni ada modal berbayar sampai RM15 juta. Kalau ada Sdn. Bhd. pun mungkin anak syarikat pada public listed company dan public listed company ini pula selalu pula bertukar tangan, kalau saham pada hari ini RM3.00 esok RM4.00 ada orang hendak take over dijual. Jadi, bukan bererti orang ini yang kekal selama-lama atau syarikat itu yang mengendalikan teksi limousin di KLIA - boleh bertukar tangan, sebab mereka ini lebih berniaga untuk mendapat keuntungan cepat daripada menentukan sesuatu itu berjaya betul-betul. Kalau dia tengok terutamanya kalau kena listed company ini di second board, terutamanya bluechip pula, dengar sahaja syarikat berkenaan dapat operate teksi limousin mewah di KLIA meletup nanti sahamnya, kemudian apabila meletup, orang-orang yang sudah ada saham dijual dan kita tidak tahu apakah sebenarnya mereka boleh menentukan perestasi yang tinggi, tetapi saya tidak kisah soal itu sangat, yang saya kisah ialah mereka yang sedang beroperasi di Terminal 1, 2 dan 3 di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, jangan ditinggal-tinggalkan. Janganlah jadi apabila bas mini sudah diharamkan di Bandaraya diambil oleh

Park May supaya khidmat yang lebih bermutu tinggi dan Alhamdulillah memang bermutu tinggi kita menyokong, tetapi janganlah tinggal pula pemandu bas mini itu terkapai-kapai terpaksa mencari jalan lain untuk kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka ini tidak harus ditinggalkan dan saya hendak bertanya Kementerian Pembangunan Usahawan yang saya kira bertanggungjawab dalam soal ini memberi jawapan yang khusus mengenai perkara yang saya bangkitkan ini.

Saya berharap sangatlah supaya syarikat-syarikat yang sekarang ini mengendalikan limousin di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak ditinggal di KLIA nanti, apa cara sekali pun siapa dapat mereka ini mesti dibawa ke dalam konsortium bersama dengan syarikat yang diberi kelulusan untuk menjalankan limousin di KLIA.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak rumus dah ni, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya bangkit keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang hendak saya menjuruskan ialah mengenai soal gejala sosial yang saya hendak rumuskan ini. Jika sektor swasta telah dikenalpasti sebagai jentera yang akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi, maka institusi sosial yang manakah pula yang hendak kita jadikan jentera penggerak pertumbuhan sosial, budaya dan jati diri bangsa Malaysia yang bukan sahaja bersatu padu tetapi juga bermoral dan berperibadi unggul yang hendak kita lahirkan.

Sekarang ini kempen kesedaran ibu bapa, macam-macam kementerian buat - rumahku syurgaku - ada kementerian buat, masing-masing kementerian buat tetapi saya harap diselaraskan dan kita kenal betul institusi mana. Kita ada Yayasan Dakwah, kita ada institusi keluarga, macam-macam pertubuhan, agensi kerajaan, kementerian. Kadang-kadang aktiviti pula bertindih, yang mengambil bahagian orang yang sama, perbelanjaan banyak kita keluar tetapi hendaklah diselaraskan dan dikenalpastikan supaya jentera mana satukah yang kita hendak tumpu untuk membentuk apa yang saya katakan tadi iaitu dari segi untuk hendak menghalakan pergerakan ke arah pertumbuhan sosial ini.

Dalam meletakkan aspek-aspek jati diri dan kepribadian bangsa Malaysia yang kita impikan, Tuan Yang di-Pertua, saya kira Sistem Pendidikan Kebangsaan tentulah mempunyai peranan penting untuk dimainkan sebagaimana yang dinyatakan oleh HERJ iaitu Cultural Literacy dalam sebuah kelompok besar seperti negara bangsa sebahagian besar daripada literasi budaya kita merupakan literasi yang 'school induce' kerana hanya sistem persekolahan yang cukup luas tersebar untuk memungkin unsur keseragaman terjadi.

Saya bangkitkan ini sebab apakah sistem pendidikan paska penswastan dan paska Akta Pendidikan kita masih mempunyai ruang untuk memainkan peranan-peranan yang mahu, yang maha besar terhadap pertumbuhan masyarakat dan budaya moden yang kita impikan atau apakah pendidikan itu sendiri tidak dimanfaatkan secara langsung dan secara eksklusif untuk mengkhidmati peranan diregularasi ekonomi semata-mata.

Ini persoalan yang saya tujukan kepada pihak kerajaan. Apakah kita sesungguhnya telah mempunyai visi yang jelas lagi tajam tentang bagaimana tampang masyarakat bermoral dan beretika yang kita impikan. Meskipun agama merupakan salah satu sumber moraliti kita yang penting, namun apakah kita sebenarnya dari segi konsepsinya telah dapat mengasingkan religiosity semata-mata daripada moraliti dalam pengertiannya yang paling luas dengan implikasi bahawa menambah pengajaran aspek ritual agama kita di sekolah-sekolah sahaja mungkin tidak memadai bagi menyelesaikan masalah keruntuhan moral dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Saya pernah mencadangkan dahulu, macam sekolah-sekolah ini, keruntuhan moral di kalangan anak-anak kita di sekolah ini - di kalangan remaja. Saya minta Kementerian Pendidikan hantar rombongan pergi ke negara Thailand. Saya tahu sangat di Thailand, sebab sempadan dengan kawasan saya. Di Thailand, walaupun orang sebut Thailand itu kadang-kadang menggerunkan macam-macam cerita tetapi di sekolah-sekolah di Thailand saya tengok pelajar-pelajar cukup berdisiplin, rambutnya semacam, pakaian seragam macam kita jugalah. Motosikal tidak boleh masuk dalam kawasan sekolah. Masuk sahaja lagu Raja Thailand, hendak keluar balik lagu Negara Thailand. Saya tengok budak-budak bila jumpa guru "sawadikap" macam itu. Itu di Thailand, punya hebat disiplinnya dan di Thailand kita tahu senjata ini boleh dibeli di mana-mana sahaja. Hendak pakai pistol satu, dua, tiga, empat boleh, tidak ada hal di

Thailand tetapi saya tidak pernah dengar lagi di Thailand murid sekolah tembak cikgu, tidak ada! Di sini adalah, murid sekolah pukul cikgu, cikgu pukul anak murid, bapa pukul cikgu, di Thailand tidak ada. Manakala senjata ini boleh didapati di mana-mana sahaja, tidak pernah lagi saya dengar laporan dan saya semak dan saya tanya.

Baru-baru ini saya jumpa dengan salah seorang jeneral polis Thailand, saya tengok wilayah di bawah Thailand, saya kata “ada tak?” “Tak ada masalah”. Bila dengar lagu Negara Thailand sahaja terus berdiri tegak. Kita dulu di panggung wayang ada lagu Negaraku, di mana-mana sahaja ada majlis, ada lagu Negaraku - lagu kebangsaan - sekarang ini dah tak ada dah, jarang-jarang kita main dah. Di sekolah langsung, adakah tidak ada sekarang ini, saya tidak tahu. Kalau ada perhimpunan pelajar-pelajar di sekolah pun mungkin seminggu sekali, adakah tidak macam dulu?

Saya sokong sistem rotan ini, saya cukup percaya kepada sistem rotan daripada kecil ini. Tetapi saya cadangkan tadi, saya minta tengok di negara Thailand. Pegawai-pegawai Pendidikan, pergi tengok macam mana sekolah di Thailand mengendalikan disiplin di sekolah, adalah cerita-cerita Thailand kononnya kalau di Selatan Thailand, di Golok ini kononnya tempat tembak menembak, itu kerana cerita-cerita orang buat, orang percaya begitu. Sebenarnya saya dapati kedudukan jenayah Golok dengan Singapura, Singapura lagi dahsyat. Kalau tengok laporan saya sebut semalam. Jenayah di Singapura lagi teruk, cuma tidak dilapor oleh surat khabar tetapi di Thailand, kalau ada

satu - ha besar - di Thailand semalam ada tembak menembak di satu hotel, padahal berlaku lima, enam tahun sekali. Tetapi, dibesarkan oleh pihak akhbar, tetapi di sana tidak ada dan lain-lain saya tengok tidak adalah timbul masalah sangat dari segi kerajinan kerja. Dia datang daripada pembentukan disiplin, Tuan Yang di-Pertua pun tahu.

Kalau kita melawat Thailand sekali, cuba tengok kebun-kebun, durian setakat pinggang ini, wah durian besar-besar bukan main, gebu-gebulah macam saya gebu - buah durian - buah mangga Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga tahun sudah berbuah. Buah mangga dan semua buah-buah yang kita makan itu Thailand punya [*Ketawa*]. Buah mangga hitam ini, wah cukup best. Kalau di sana RM2 sekilo dekat sini sampai RM6, RM7 sekilo, buah mangga macam-macam jenis mangga. Buah durian macam-macam jenis durian, sebut apa buah jugalah, buah rambutankah, kuningkah, merahkah, semua ada. Sebab apa? Cuba tengok tanah mereka dengan tanah kita serupa, climate serupa, tidak ada beza langsung tetapi dia semua menjadi. Sebab apa? Sebab rakyat dia disiplin, disiplin kepada kerja tidak rasuah, rajin ya tak? Saya pernah tengok dengan mata kepala saya sendiri dia boleh tengok dan jaga pokok dia itu macam dia jaga anak, dia pergi tengok kalau ada sedikit-sedikit naik seranggakah dia buang, dia tunggu pokok itu, sampai begitu disiplinnya.

Begitu juga anak-anak mereka. Itu rakyat Thailand. Sebab itu mereka boleh keluar barang-barangan tiruan seperti Dunhill, Cartier dan macam-macam lagi jenama-jenama penting, so kalau tuan-tuan tengok orang Kelantan pakai

tali pinggang Dunhill, kasut Dunhill, itu belum tentu yang betul, itu Golok punya itu. *[Ketawa]* Boleh cam sebab bila dia berjalan itu satu macam sahaja, takut kena air, dia takut terpijak batu, jadi kasut itu harga RM25 tetapi Dunhill, bila dia berjalan itu dia angkat sebelah sebab kasar sangat, tidak sampai dua bulan boleh hancur tetapi dia punya barang keluar itu semacam sahaja. Kenapa mereka boleh buat industri, apa yang dikatakan, small scale and medium scale industri ini, di belakang rumah sahaja keluar bag Dunhill, di belakang rumah keluar air wangi yang termasyhur di dunia. Begitu juga pokok-pokok buah-buahan berbuah di luar dari fikiran, tidak terfikir oleh kita, ternakan-ternakan ladang mereka menjadi-jadi. Bawah ikan, atas itik, atas sekali ayam. Macam-macam, bersusun dalam tanah yang begitu kecil.

Kenapa ini semua boleh jadi? Sebab jati diri hasil daripada disiplin berlakulah jati diri, bangkitlah satu bangsa yang begitu tinggi motivasinya. Jadi sebab itu kita boleh ikutlah mana-mana yang baik, kita belajar dari Jepun, kita belajar dari Korea yang mana baik, jiran kita bila tengok banyak perkara-perkara yang boleh kita belajar yang saya harap kerajaan pun kalau boleh bila pergi buat kajian-kajian, bukan sahaja di Amerika, di Eropah lebih-lebih lagi Jepun, Korea dan Taiwan, jangan juga lupa dalam soal membentuk jati diri, saya percaya selain dari Jepun atau Korea kita boleh belajar dengan bangsa Thai ataupun orang Thailand.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua begitu patient, maknanya begitu baik hati mengizinkan

saya bercakap dengan agak panjang juga. Saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua:

Pisang emas bawa belayar,

Masak sebiji di atas peti;

Hutang emas boleh dibayar,

Hutang budi dibawa mati.

Jadi, saya ucap terima kasih dan saya menyokong usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap?

4.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih dalam Ucapan Penggal Ketiga pada 24hb. Mac, 1997. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jelas menerangkan negara kita Malaysia berada di dalam keadaan aman dan damai hasil kestabilan politik dan tanggungjawab pengurusan negara yang prihatin dan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pertumbuhan ekonomi kita yang begitu pesat dan amat membanggakan. Kemajuan negara begitu cemerlang. Pemimpin-pemimpin negara kita iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di bawah kepimpinannya telah menebus maruah bangsa kita, agama dan negara

kita. Dahulu bangsa kita terhina oleh negara luar lebih-lebih lagi oleh negara Barat. Sekarang bukan sahaja dihormati, bahkan jadi contoh kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perindustrian di negara kita telah bertambah maju. Syabas kita ucapkan kepada pemimpin kita dan kerajaan - dapat meletakkan negara di sebuah negara perindustrian setanding dengan negara-negara lain seperti negara Korea, Jepun, Taiwan mahupun Singapura dan negara-negara di sebelah Barat. Mungkin inilah yang menyebabkan negara Singapura atau Australia merasa cemburu dengan negara kita, selalu menimbulkan masalah, perkara yang tiada diada-adakan. Baru-baru ini negara Australia telah menuduh kita merasuah untuk mendapatkan Sukan Komanwel sebagai tuan rumah.

Rancangan Koridor Raya Multimedia ataupun MSC yang dirancang Perdana Menteri kita di mata dunia begitu terbaik sekali iaitu dengan teknologi canggih di zaman maklumat ini. Sekali pun kita maju di kalangan perindustrian dan mencapai teknologi canggih, kita juga jangan meninggalkan bidang-bidang pertanian. Perlu diberi tumpuan untuk menjamin hasil dan bahan makanan kita. Sektor pertanian memainkan peranan penting supaya kita tidak mengimport barang-barang makanan dari negara-negara jiran atau negara-negara lain. Kesannya sudah tentu banyak wang negara kita mengalir keluar. Negara akan terjejas kedudukan pertukaran wang asing dan yang paling mencemaskan kita jika berlaku perkara-perkara peperangan ataupun malapetaka, di mana kita hendak mendapat makanan. Sekarang ada negara-negara rakyatnya kebuluran tidak makan - mati - seperti negara Korea Utara, negara Afrika, Iraq dan lain-lain negara lagi dalam dunia ini. Oleh itu, sektor pertanian tidak boleh kita abaikan, perlu dititikberatkan, menyelamatkan wang kita supaya tidak mengalir keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebut sekali lagi sekali pun tahun lepas saya telah menyebut beberapa perkara berhubung dengan kedudukan RISDA, FELDA dan FELCRA. Adalah satu-satunya agensi kerajaan yang terlibat dengan pengeluaran hasil termasuk jabatan-jabatan haiwan berkaitan dengan makanan bahan-bahan yang diperlukan seperti daging lembu, daging ayam, susu dan lain-lainnya. Dan badan-badan pengajian seperti MARDI dan PORIM boleh memainkan peranan yang lebih bermakna untuk mendukung Dasar Pertanian Negara. Dengan gerakan tersebut kita tidak perlu bergantung kepada negara-negara lain untuk makanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi ke atas kejayaan pendidikan negara. Tahap pelajaran telah pun meningkat dan ini selaras dengan kehendak kita selaku rakyat yang maju, yang berkualiti dan berhemah tinggi. Institusi pengajian tinggi telah pun banyak didirikan di negara kita ini untuk membolehkan penuntut-penuntut kita mendapat pelajaran tinggi di mercu menara gading. Meskipun pencapaian dan peningkatan ini dapat kita banggakan masih banyak lagi masalah yang kita hadapi.

Penswastaan IPT memungkinkan kita bahawa akan terdapat anak-anak bumiputera tidak akan dapat meneruskan pengajian tinggi disebabkan kekurangan kewangan ataupun kos pendidikan yang tinggi.

Di sini saya ingin mencadangkan bantuan dan sokongan kerajaan masih diperlukan untuk menjamin anak-anak bumiputera berpeluang untuk meneruskan pelajaran tinggi ataupun ke menara gading.

Tuan Yang di-Pertua, penerapan pendidikan agama perlu ditekankan dan wajib diselaraskan di semua lapisan pendidikan, khususnya di peringkat sekolah-sekolah rendah. Sekolah tadika atau kelas-kelas anjuran KEMAS dan

agama sebagai salah satu kurikulum penting yang patut diwajibkan. Saya sangat bersetuju pendidikan agama bermula daripada rumah atau ibu bapa perlu menitikberatkan pengajaran kepada anak-anaknya di segi keagamaan.

Kita bangga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadikan Malaysia sebagai pusat Multimedia Super Corridor di mana negara kita akan menjadi pusat teknologi maklumat bagi seluruh dunia di negara ini. Walau bagaimanapun, objektif ini hanya boleh tercapai sekiranya semua lapisan rakyat telah memahami ilmu teknologi maklumat, baik seorang petani atau seorang nelayan mahupun seorang korporat untuk menjamin negara ini boleh dianggap sebagai negara berilmu. Saya syorkan pendidikan ala komputer ini diperluaskan semua negeri dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan kelas-kelas bistari untuk murid-murid pintar adalah dialu-alukan tetapi perlu dikaji semula kerana terdapat beberapa kelemahan di kalangan murid-murid tersebut. Sekiranya tidak dilaksanakan dengan kurikulum dan jadual yang teratur, adalah dikhuatiri murid-murid yang dipilih akan mengalami tekanan jiwa dan sebagainya. Kita bimbang pengharapan ibu bapa tidak tercapai. Oleh itu, semasa melaksanakan harus disusun dan dikaji dengan teliti buruk baiknya supaya tidak gagal apa yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut berhubung dengan pendatang tanpa izin atau pendatang haram. Pendatang tanpa izin ini

menimbulkan banyak masalah dari segi sosial, peluang pekerjaan, kawasan perumahan haram yang tidak teratur, jenayah-jenayah telah berlaku, kerakyatan dan peluang pendidikan yang percuma. Walaupun kita telah mengadakan undang-undang dan peraturan dari segi pemutihan dan format kerja, tetapi disebabkan kelemahan pengendalian dari segi pengurusan dan pengawalan, kebanjiran pendatang tanpa izin mungkin menjadi seolah-olah negara kita senang diterokai walaupun secara haram sekalipun. Kita perlu undang-undang yang tegas untuk menjaga keselamatan negara kita yang kita cintai untuk masa depan. Kalau kita tidak berhati-hati mengawal pendatang tanpa izin ini, satu hari nanti kita akan dipersoal oleh generasi kita dan menyalahkan kita pada masa yang akan datang.

Pada hari ini dalam surat khabar *Utusan Malaysia*, polis marin kita telah mati dilanggar oleh bot pendatang tanpa izin dan dua di antaranya cedera parah. Inilah akibat keadaan terlalu mudah pendatang tanpa izin ini datang ke negara kita, boleh menggugat bukan sahaja ekonomi kita dan keadaan huru hara di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara kita banyak menggunakan hartanah sebagai nadi dan pusat perkembangan dan pertumbuhan taman dan rumah-rumah ke tempat kediaman, pusat-pusat industri, jalan raya, pusat janakuasa dan bekalan elektrik dan air, perhubungan telekomunikasi akan dilaksanakan menggunakan tanah. Sekiranya kita tidak kawal dan rancang dengan teratur dan sempurna, pemilik tanah kaum bumiputera akan pupus nanti

satu ketika. Kesannya amat buruk kepada bumiputera, terpaksa mencari tanah untuk tempat tinggal mereka sendiri, akan menyulitkan kita lagi. Sekiranya tanah-tanah pemilik bumiputera diambil, hendaklah diberikan ganjaran yang mempunyai nilai sesuai dengan keadaan bagi membolehkan mereka mencari kawasan ganti dengan ganjaran tanah yang diperolehi. Kalau perlu, tanah-tanah rizab Melayu tidak boleh dijual ataupun diberi kepada bangsa lain ataupun orang-orang yang bukan warganegara kita untuk mengekalkan tanah itu dimiliki oleh bumiputera. Ini kita berterima kasihlah kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, baru-baru ini telah pun memberi jaminan bahawa pengambilan tanah itu akan dikawal dan akan diberi jaminan untuk bayaran pampasannya terjamin kepada tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, program membasmi kemiskinan perlu diteruskan dan kebajikan kepada semua rakyat yang kurang bernasib baik juga perlu dikekalkan supaya tahap perimbangan hidup kepada semua kaum dan lapisan rakyat dapat diselenggarakan. Alhamdulillah, kerajaan kita Barisan Nasional sangat prihatin kepada rakyat miskin telah dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya suka menyebut berhubung dengan wayar tinggi ataupun voltan tinggi. Pihak TEN patut mengkaji semula berhubung dengan pembayaran kepada tuan-tuan punya tanah kerana TEN sentiasa mendapat keuntungan atas pelaksanaan, tetapi jadi masalah bahawa tanah-tanah yang diambil oleh pihak

TEN tidak boleh tuan punya tanah menggunakan lagi, tidak boleh buat cucuk tanam - menjadi halangan kepada mereka, tidak boleh buat rumah di bawah laluan elektrik. Jadi, saya mengharapkan supaya dikaji semula dan dapat dibayar pampasan kepada mereka. Kebanyakan tanah-tanah itu adalah tanah bumiputera. Jadi, saya rasa tidak merugikan bagi pihak TEN kalau mengkaji semula membayar pampasan tambahan kerana sekarang ini sekalipun TEN menggunakan tanah tersebut, tetapi cukai-cukai tanah tersebut dibayar oleh tuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong usul tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Datuk Rahim, dipersilakan.

4.41 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut serta membahar serta memberikan pandangan dan juga menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas ucapan Baginda semasa merasmikan sidang Parlimen baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tidak sedar bahawa hari ini, 13 Mei merupakan satu tarikh keramat kepada bangsa kita. Kemungkinannya

kebanyakan daripada generasi yang ada pada hari ini, khasnya generasi-generasi muda, perkara yang telah pun berlaku 28 tahun yang lampau tiada langsung dalam ingatan mereka, tetapi kepada kebanyakan kita, termasuk Yang di-Pertua, saya dan juga rakan-rakan yang lain setiap tahun saya masih ingat lagi setiap kali kita mengadakan sidang Dewan Negara biasanya tarikh 13 Mei ini adalah tarikh persidangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan tarikh 13 Mei ini kerana bersesuaian dengan harapan dan juga hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi untuk melahirkan satu bangsa Malaysia sepertimana yang terdapat di dalam salah satu daripada 9 intipati Wawasan 2020 yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 28 Februari 1991 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada harapan ataupun vision ataupun Wawasan 2020 ialah untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Hari ini kita terdiri daripada bangsa yang boleh dikatakan setiap kita memperkenalkan diri kita mengikut ras ataupun asal keturunan kita tetapi adalah menjadi harapan kita pada satu ketika kelak, khasnya pada tahun 2020 yang akan datang kita tidak lagi dikenali sebagai bangsa Melayu, bangsa Cina, bangsa India, Murut, Kadazan, bangsa Orang Ulu ataupun sebagainya, tetapi kita lebih dikenali sebagai bangsa Malaysia.

Tetapi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, apakah pada hari ini kita telah pun membuat persiapan-persiapan untuk melahirkan satu bangsa yang

telah pun diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu? Saya pernah bercakap di dalam Dewan ini mengenai sistem persekolahan kita. Kalau kita hendak melahirkan satu bangsa dalam masa tahun 2020 yang akan datang, ianya hendaklah dibentuk daripada sekarang. Dalam ucapan Belanjawan saya yang lalu, saya telah pun menyentuh soal di mana satu sistem persekolahan kita sekarang, anak-anak kita yang dihantar, kalau orang Melayu menghantar ke sekolah kebangsaan iaitu sekolah Melayu dan orang Cina lebih menghantar kepada sekolah Cina dan orang India menghantar ke sekolah-sekolah India dan anak-anak kita tidak berpeluang bergaul.

Saya dapati rasa perkauman anak-anak kita sekarang ini lebih menebal daripada rasa perkauman masa saya kecil-kecil dahulu. Masa saya kecil-kecil dahulu tidak timbul dia itu keturunan Melayu, keturunan India, keturunan Cina, Murut, Kadazan ataupun sebagainya. Tetapi hari ini kalau kita kaji, kalau kita lihat anak-anak sekolah kita, perasaan perkauman itu walaupun kita telah pun merdeka lebih daripada 38 tahun dan juga kita telah pun mengalami detik-detik sejarah, detik-detik pahit pada tahun 1969 dahulu, tetapi perasaan perkauman itu rasanya walaupun tidak menebal, ianya masih lagi belum berkurangan.

Jadi, apakah kita mahu jenerasi yang akan mewarisi pada tahun 2020 akan datang merupakan generasi seperti yang ada pada hari ini. Jadi, saya pernah mencadangkan supaya bersesuaian dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah India dapat diletakkan di bawah satu bumbung

ataupun di bawah satu kawasan. Belum lagi terlintas kepada saya untuk menghapuskan, atau membuat cadangan untuk menghapuskan sekolah-sekolah Cina, India dan sebagainya walaupun pada hakikatnya itulah yang sebaik-baiknya. Saya tidak mencadangkan, menyarankan supaya kita menghapuskan pembelajaran bahasa Cina, Mandarin, India ataupun sebagainya. Memang kita hendak galakkan anak-anak kita supaya lebih terdedah, lebih tahu akan bahasa-bahasa ini.

Tetapi saya berharap biarlah kita mempunyai 'will power' mempunyai 'political power' untuk membuat perubahan mulai daripada sekarang. Baru-baru ini saya telah pun menghadiri seminar Wawasan 2020 bulan yang lalu. Ini adalah untuk membincangkan balik, untuk melihat balik bagaimana pencapaian hasrat Wawasan 2020 seperti yang telah pun dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tahun 1991 dahulu. Saya dapati di dalam seminar itu yang dihadiri oleh semua pihak, baik golongan korporat, baik golongan ahli-ahli politik, golongan NGO, golongan belia, golongan muda dan sebagainya, saya dapati mereka semuanya bersepakat bahawa kita mestilah berani membuat perubahan daripada sekarang, membuat sesuatu daripada sekarang untuk memastikan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dapat dilahirkan pada tahun 2020 yang akan datang. Kalau kita bertanggung-tanggung, kalau kita tidak mempunyai keberanian, saya bimbang kemungkinannya hasrat dan harapan kita untuk mendapat atau melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, satu

bangsa yang boleh diberi nama sebagai bangsa Malaysia mungkin tidak tercapai pada tahun 2020 yang akan datang.

Jadi, saya berharap mungkin adakalanya setengah-setengah perkara yang hendak kita lakukan itu terpaksa memerlukan pengorbanan. Orang-orang Cina perlu berkorban sedikit, India perlu berkorban, kaum-kaum dan bangsa-bangsa lain, bangsa Melayu pun perlu berkorban, kita sama-sama berkorban untuk memastikan supaya bangsa Malaysia akan dapat dilahirkan pada tahun 2020 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya pernah mencadangkan supaya dikaji balik sistem persekolah kita sekarang, di mana anak-anak Melayu di sekolah kebangsaan kebanyakan, orang-orang Cina berlumba-lumba menghantar anak-anaknya ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina walaupun nama sudah ditukar, tidak ada lagi jenis kebangsaan tetapi hakikatnya masih juga sama, dan anak-anak India dimasukkan dalam sekolah-sekolah India. Kerana saya merasa bimbang, kalau kita tidak mengambil langkah-langkah itu daripada sekarang pada hari ini, kalau kita tidak berani membuat sesuatu pada hari ini, ianya akan menjejaskan hasrat yang telah pun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh beberapa perkara dalam ucapan saya. Tadi saya percaya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah pun banyak menyentuh soal rasuah. Mahu tidak mahu kita kena akui bahawa rasuah berlaku di dalam masyarakat kita. Walaupun ianya telah pun

sampai ke tahap yang agak membimbangkan, tetapi ianya belumlah begitu merbahaya sangat. Tindakan-tindakannya masih boleh lagi diambil. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan serius. Saya percaya Yang Amat Berhormat tentunya serius untuk memikirkan langkah-langkah yang akan diambil untuk membanteras gejala rasuah ini. Kalau kita biarkan masyarakat kita dengan gejala rasuah seperti yang ada pada hari ini, saya sungguh bimbang sebagai sebuah rumah nampak di luar cantik, tetapi dalamnya telah dimakan anai-anai. Ini satu kanser masyarakat, satu barah yang mesti diubati dengan segera oleh pucuk pimpinan kita.

Saya mempunyai keyakinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan bercuti selama dua bulan, selepas ini tentulah akan memikirkan. Salah satu daripada perkara yang beliau fikirkan saya lihat sejak daripada tahun dahulu ucapan semasa Perhimpunan Agung UMNO, dengan mengalirkan air mata, beliau berceritakan perkara rasuah ini. Beliau melahirkan perasaan isi hati beliau dengan mengalirkan air mata mengenai soal rasuah ini. Bukanlah mudah seorang pemimpin yang ternama seperti Dato' Seri Dr. Mahathir untuk mengeluarkan air mata. Saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri tentulah telah pun dapat merasakan keadaan betapa gejala rasuah telah pun menular di dalam masyarakat kita. Saya percaya itulah sebabnya hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiri datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan yang ada berkaitan dengan rasuah, secara kebetulan

pula soalan yang saya kemukakan mengenai gejala rasuah. Kalau tidak tentunya Yang Amat Berhormat tidak akan perlu menghabiskan satu dua jam di Dewan ini untuk mendengar pandangan-pandangan dan juga persoalan-persoalan mengenai rasuah.

Jadi, sebenarnya kuasa ini ada kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita sebagai rakyat saya percaya akan memberikan sepenuh kepercayaan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir untuk buat apa sahaja untuk memastikan gejala rasuah ini tidak menjadi sebagai salah satu daripada amalan hidup di dalam masyarakat kita. Ianya jangan sampai jadi satu perkara yang diterima, seperti kata Yang Amat Berhormat tadi, seolah-olah macam hendak masuk tengok wayang beli tiket satu untuk rasuah, satu untuk tiket wayang.

Kita berharap supaya undang-undang yang lebih ketat lagi. Tadi semasa menjawab Yang Amat Berhormat telah pun memberikan penjelasan denda RM10,000 kepada mereka yang terlibat dalam gejala rasuah dan juga penjara tidak lebih daripada lima tahun. Ini saya fikir kadangkala orang pun membuat calculation, perkiraan juga. Kalau diambil rasuah RM2 juta ataupun RM3 juta, lepas itu dia kena jail lima tahun, dia kira-kira balik dia kata berpada. Setengah orang mungkin akan membuat perkiraan sedemikian. Dia kata 'katalah kena penjara maksimum lima tahun, dia ambil rasuah katakan RM5 juta, dia keluar esok dia akan jadi millionare, apa dia peduli.

Saya percaya satu hukuman yang lebih berat lagi, mungkin hukuman supaya harta mereka itu dirampas. Harta-harta mereka yang terlibat dalam

kerja-kerja rasuah ini pun dirampas oleh pihak kerajaan. Seperti juga pengedar-pengedar dadah, kalau harta mereka boleh dirampas, mereka yang terlibat dalam gejala rasuah ini pun harta mereka itu pun dirampas oleh pihak kerajaan. Begitu juga kepada pemberi-pemberi rasuah. Kebanyakan tadi Yang Amat Berhormat menjawab 301 orang pemberi rasuah telah pun didakwa dari tahun 1990 sehingga sekarang. Pada hal daripada tahun 1991 hingga 1995, 855 orang yang menerima rasuah telah pun ditangkap oleh pihak BPR. Maknanya, lebih ramai yang menerima daripada yang memberi kalau 301 dengan 855. Sebenarnya dalam soal pemberian rasuah ini, yang memberi rasuah itu sebenarnya lebih beruntung, lebih banyak mendapat keuntungan daripada kegiatan-kegiatan rasuah ini.

Jadi, saya mencadangkan supaya tindakan ataupun satu pindaan undang-undang yang lebih berat. Pada mereka yang memberi rasuah, jangan hanya mereka yang menerima rasuah sahaja yang kena, tetapi pada mereka yang memberi dan hasil daripada pemberian rasuah itu mereka mendapat keuntungan mereka ini juga sepatutnya diambil tindakan-tindakan dikenakan penalti, didenda ataupun dirampas sebahagian daripada harta-harta mereka. Kalau kita serius hendak membuat tindakan-tindakan begini, saya percaya ianya boleh dilaksanakan. Saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai pemimpin, sebagai Presiden Parti Barisan Nasional, sebagai Perdana Menteri tentulah tahu, tentulah beliau mendapat laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan rasuah ataupun kegiatan-kegiatan penyalahgunaan

kuasa yang dilakukan oleh mereka yang berkedudukan. Kemungkinan setengah-setengah itu susah untuk dibuktikan kerana sistem mahkamah kita seorang itu hendaklah dibuktikan bersalah, dia betul sebelum dia dibuktikan bersalah. He is innocent before found guilty. Jadi, susah hendak dibuktikan.

Dalam keadaan ini, kerana Yang Amat Berhormat mempunyai kuasa sendiri kalau tahu menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, Exco-exco yang dirasakan ada menjalankan unsur-unsur rasuah, ambil tindakan. Saya fikir rakyat akan berterima kasih kepada pucuk pimpinan kalau Yang Amat Berhormat mengambil tindakan-tindakan yang sedemikian. Kalau tahu tidak mengapalah, kalau seorang-dua kena masuk jail, masuk jailah. Dato' Harun Idris dahulu pernah masuk jail. Ramai juga dahulu pemimpin-pemimpin lain pun masuk penjara kerana rasuah. Jadi, sekarang pun kalau ada yang kita perlu, kalau terpaksa dikorbankan pun, kita korbankan. Jadi, saya kadang-kadang pun malu juga bila jumpa dengan mereka yang datang dari luar negeri, maaflah dia kata, orang-orang seolah-olah tidak percaya kalau tidak ada rasuah berlaku. Kalau ahli-ahli politik umpamanya di Malaysia ini tidak ada mengambil rasuah.

Begitu juga dia kata orang juga tidak percaya kalau ahli-ahli politik di sebuah negara jiran pula mengambil rasuah. Di negara kita ini seolah-olah tidak percaya kalau tidak mengambil rasuah. Inilah satu pemikiran yang terdapat sekarang. Jadi, sebelum pemikiran ini menular dengan jauh, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengambil tindakan-

tindakan. Mungkin setengah-setengah pihak mempunyai alasan-alasan tertentu. Kalau umpamanya gaji pegawai kerajaan, ada setengah-setengah itu oleh kerana desakan-desakan hidup tidak mencukupi kalau hendak bandingkan dengan sektor swasta dan sebagainya, naikkan gaji mereka. Kalau gaji menteri katakan RM10,000 tidak cukupk sekarang ini, naikkan RM20,000, RM30,000 rakyat tidak marah. Kalau gaji seorang Pengarah bahagian Kastamkah, JPJkah yang ada kaitan dengan orang ramai tidak mencukupi, naikkan, asalkan jangan ada unsur-unsur rasuah berlaku di tempat-tempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya berucap ini pun saya tidak ada pakai teks, apa yang terfikir oleh saya kerana sudah - jadi apa yang saya lahirkan ini adalah perkara yang berlaku dengan ikhlas. Dan kita mesti ingat juga bahawa rasuah bukan sahaja berlaku dalam sektor kerajaan sahaja, bukan sahaja berlaku dalam bidang orang politik sahaja, dalam sektor swasta pun kejadian rasuah berlaku juga. Cuma termnya berlainan, dia tak sebut rasuah, tumbuk rusuk atau sebagainya, dia panggilkan komisen ataupun sebagainya, kick backlah, komisenlah itupun sama jugalah. Dalam sektor swasta pun keadaan-keadaan yang sama berlaku juga.

Kita hendak biarlah negara kita ini maju meju ke Wawasan 2020 pada masa yang sama juga negara kita maju dengan acuan yang bersih. Sekarang ini kita beruntung kerana ekonomi kita berkembang, dalam sebuah negara yang ekonominya berkembang jadi rakyat kadang kala pun tidak ada kompelin sangat apabila berlaku rasuah sikit dan rakyat pun tidak kisah sangat.

Saya pernah pergi sebuah negara jiran, saya tidak mahu sebut negaranya. Dia tahu, dia kata rasuah pun berlaku berleluasa di negara itu tetapi dia kata di sini pak tidak akan berlaku revolution, tidak akan berlaku pemberontakan, apa revolution cakap Melayu.... ha ya ... saya nak pastikan sama ada dia jaga ataupun tidur itu sahaja. Tidak akan berlaku pemberontakan sebab apa dia kata, sebab kita sebuah negara Islam. Orang Islam kita, rakyat biasa bila kita tengok berlaku rasuah kita tahu, tak apalah Tuhan akan balas, bila dia mati besok, Tuhan akan balas, Tuhan akan laknat dia. Rezeki yang dia dapat itu pun tidak halal, mungkin anak sakit, isteri dia sakit, keluarganya menimpa masalah ataupun sebagainya.

Jadi dia kata tidak akan berlaku pemberontakan di negara mereka itu kerana gejala-gejala ini. Saya pun terfikir juga, di negara saya pun lebih kurang macam itu jugalah kerana kita ini orang Islam kita memikirkan kadang kala itu kita tolerate. Setengah-tengah itu kita tolerate kita terima tetapi yang saya bimbangkan dalam kita tolerate perkara ini ianya akan menjadi suatu yang menjadi amalan, suatu yang sudah menjadi kebiasaan, kita terima sebagai satu amalan hidup.

Jadi saya berharap supaya pihak kerajaan akan memikirkan apabila kita membuat undang-undang, gubal undang-undang Akta Rasuah ini besok supaya memikirkan digubal dengan sebaik-baiknya supaya ianya akan dapat mengatasi masalah ini. Dan saya berharap juga soal rasuah ini - semalam Datuk Ibrahim Ali sebut , supaya kita jijik, kita benci macam komunislah, saya pun dulu, kita

kecil-kecil dulu sebut sahaja komunis kita benci, kita takut, kita tahu komunis bunuh orang, komunis itu jahat, kita selalu fikir macam itu. Tetapi apabila saya telah dewasa, dah baca buku baru kita tahu, oh komunis itu salah satu daripada ideologi, perjuangan sesuatu bangsa atau sesuatu kumpulan.

Tetapi kita hendak tanamkan semangat yang macam itu supaya masyarakat kita jijik dan benci kepada rasuah. Ditanamkan daripada murid-murid sekolah lagi daripada kecil lagi, supaya mereka ini besok apabila membesar tahu bahawa kerja-kerja rasuah ini adalah satu-satu kerja yang jijik, kerja-kerja yang amat terkutuk dan kerja-kerja yang amat dibenci.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi kita bukannya hendakkan negara kita ini, masyarakat dan pemimpin kita bebas daripada rasuah tetapi yang lebih pentingnya ialah supaya seolah-olah kita ini nampak bebas seen to be free of corruption, dengan izin, yang lebih pentingnya pandangan masyarakat, pandangan negara luar, pandangan penduduk-penduduk di negara ini bahawa pegawai kerajaan kita ini bersih tidak ada rasuah kerana kadang kala sepertimana yang telah saya katakan tadi bukanlah mudah untuk membuktikan sesuatu perkara rasuah itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang tindakan Bank Negara pada 28hb. Mac yang lalu, kita beralih kepada perkara yang lain. Saya memang mengalu-alukan tindakan yang dilakukan oleh Bank Negara pada 28hb. Mac yang lalu dimana mengurangkan, mengehadkan pinjaman di sektor hartanah dan juga di sektor pembelian saham pada 20% kepada hartanah dan

juga 15% kepada pasaran saham. Memang tindakan ini sepatutnya telah lama diambil.

Kita tidak mahu berlaku satu keadaan seperti di Thailand sekarang ini satu keadaan di mana satu ekonomi yang terlampau bertumpu sangat, pinjaman-pinjaman bank diberikan kepada sektor hartanah tanpa kontrol. Apa yang telah pun berlaku ialah apabila berlaku sesuatu, apabila ada syarikat yang tidak mampu membayar hutangnya pada bank dianya telah menyebabkan seluruh ekonomi di Thailand itu lumpuh daripada sektor hartanah. Memang saya alu-alukan tindakan segera yang dilakukan oleh Bank Negara, syabas kepada Bank Negara tetapi pada masa yang sama saya percaya Bank Negara tentunya mempunyai kaedah-kaedah ataupun cara yang tersendiri bagaimana hendak mengambil tindakan-tindakan ini.

Bukannya susah sangat, sepatutnya apa yang dilakukan oleh Bank Negara ialah daripada kita membuat press statement, beritahu seluruh dunia, ini tindakan-tindakan yang kita akan ambil menyebabkan panik berlaku di pasaran saham. Sepatutnya apa yang patut dibuat oleh Bank Negara ialah panggil bank-bank satu persatu daripada bank itu tengok berapa had pinjaman yang telah ... mana bank yang sudah terlebih daripada 20% kurangkan pinjaman di hartanah, mana yang sudah terlebih daripada 15% pembiayaan saham dikurangkan ataupun sebagainya. Tidak membuat suatu sweeping statement macam itu sahaja, orang panik. Apabila orang panik, masyarakat panik, lepas 2, 3 hari barulah Timbalan Gabenor beri pula penjelasan 'the damage is

already done' orang sudah rugi banyak, saya pun rugi sikit, tidak apalah, soal 1, 2 milion rugi itu tidak apa, itu biasalah. Sejak tahun 1978, 1979 dahulu di pasaran saham rugi 1, 2 milion sudah menjadi asam garam hidup. Tetapi apa yang saya persoalkan ialah cara bagaimana sesuatu statement itu dibuat, sesuatu keputusan itu dibuat, tidak perlu kita hendak panggil seluruh - buat satu press statement katakan Bank Negara selama ini sebagai seorang 'big brother', kita hendak potong pinjaman di pasaran hartanah, kita hendak potong di sektor saham ataupun sebagainya. Lebih baik panggil mereka yang terlibat, bank-bank yang terlibat itu atau berunding dahulu kalau kita buat statement seperti ini apa kesannya kepada pasaran saham, pada ekonomi negara ataupun sebagainya. Ini sudah tiga, empat hari sudah berlaku 'the damage has already done' barulah Timbalan Gabenor kata: "Oh ini guideline dia, rumah-rumah yang RM150 ribu ke atas yang tidak boleh, yang RM150 ribu ke bawah boleh but its already too late", keadaan sudah seminggu selepas itu. Selepas dua minggu barulah keluar pula statement kata masih ada lagi RM60 ataupun RM70 bilion, di dalam pasaran kewangan yang boleh digunakan untuk membeli hartanah dan juga pasaran saham

Untuk pengetahuan kerajaan RM60, RM70 bilion BAKUN sahaja akan mengambil RM4 ataupun RM5 bilion, MAS punya right issue akan mengambil RM4 ataupun RM5 bilion, yang sudah line up untuk sampai hujung tahun inipun kalau di pasaran saham macam itu sudah lebih daripada RM40 bilion, sudah line-up tu sampai hujung tahun ini, dah lebih daripada RM40 bilion.

Maknanya sudah tidak ada untuk kewangan, orang pun sudah buat analisa, sebab itu pasaran jatuh, kita pun sudah buat analisa, berapa bilion ada lagi, yang ada baki-baki lagi, oh ini baru pasaran saham dan pasaran hartanah, jadi kalau keadaan ini katanya, itu sebabnya pasaran saham jatuh, terus jatuh 'the damage has already done'. Yang sudah rugi, dah 'market capitalization' tu usah ceritalah, 'more than' lebih dari RM100 bilion, turunnya selepas 28hb. Mac sampai sekarang. Yang rugi, yang sudah stop rocking firm, kalau rugi RM50 atau RM60 juta kali dengan 50 yang ada sudah 2 atau 3 bilion yang rugi yang dah relies.

Saya percaya kalau keadaan ini berterusan ianya akan menjejaskan ekonomi negara secara keseluruhannya kerana putaran kewangan yang berkurangan di dalam pasaran dan ianya akan menjejaskan. Saya tidak mempertikaikan niat baik Bank Negara, memang Bank Negara mempunyai niat yang sungguh baik, sungguh murni tetapi caranya memberi tahu, cara mengambil tindakan itu sepatutnya diambil tindakan secara berhati-hati. Bila dah tindakan itu barulah terpaksa Timbalan Perdana Menteri memberi penjelasan lepas itu tidak juga jalan, naik sikit lepas itu terpaksa Perdana Menteri pula memberikan penjelasan sikit, naik sikit lepas itu tidak juga jadi, lepas itu siapa lagi?

Dan saya percaya keadaan ini, sepertimana yang telah saya perkatakan kalau tidak diawasi ianya akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan. Saya sekali lagi saya katakan saya tidak pernah

menidakkan atau mempersoalkan niat murni tindakan yang diambil oleh Bank Negara tetapi cuma yang saya persoalkan ialah cara bagaimana sesuatu tindakan itu diambil. Sepatutnya kita berunding dahulu, panggil dulu all the commercial banks beritahu yang you ni dah exceeded, ini belum lagi, tengok dulu. Ini bila sudah berlaku sesuatu, seolah-olah satu mala petaka berlaku barulah kita hendak buat statement-statement, lepas ini tidak tahu apa statement yang hendak dibuat.

Gabenor sudah buat, Timbalan Gabenor sudah buat, lepas ini tidak tahu siapa lagi yang hendak keluarkan pula statement supaya hendak confert keadaan ini supaya jangan berlarutan kerana saya sudah cakap, soal pasaran saham ini suatu yang sungguh sensitif. Bolehlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata kita jangan tamak, jangan apa semua, berikan nasihat, pihak Kementerian Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan boleh memberikan nasihat tetapi nasihat-nasihatlah kita, orang-orang yang masuk dalam pasaran saham ini, dia memikirkan soal duit sahaja, soal duit, dollars and sen sahaja tentu dia nak cabut cepat, kalau dia nak jual, dia nak jual cepat, dia nak lari cepat. Kita yang cakap ni kadang-kadang kita pun tidak terlibat, kita pun tak tahu, senang memang it's easier said than done dalam keadaan-keadaan yang sedemikian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangatlah berharap, sangat-sangatlah merayu supaya pada masa-masa yang akan datang apabila Bank Negara, apabila pihak-pihak berkaitan dengan soal kewangan negara dan soal

ekonomi negara apabila sebelum mengambil sesuatu tindakan itu hendaklah terlebih dahulu berunding dan memikirkan implikasinya. Tak apalah, apa yang telah pun berlaku pada 28hb. Mac ini sebagai satu pengajaran kepada kita. Tidak mudah kita hendak melalui pengajaran yang seperti ini, tak apa. Pada masa-masa yang akan datang kita fikirkan apa sebelum kita mengambil sesuatu tindakan, sebelum kita mengeluarkan sesuatu statement itu, hendaklah kita fikirkan dahulu.

Keadaannya berlainan, umpamanya kalau seseorang itu dalam bidang pendidikan apa-apa dasar yang kita buat hari ini mungkin kesannya sepuluh ataupun dua puluh tahun yang akan datang, kita buat KBSR, PMR ataupun sebagainya kesannya tak nampak di situ tetapi dalam soal-soal kewangan ini sesuatu dasar itu kadangkala itu belum kita umumkan pun, kesannya sudah ada. Inikan pula apabila ianya telah pun diumumkan.

Jadi, kita hendaklah berhati-hati dan saya berharap juga pada masa yang sama supaya pihak yang berkuasa, Kementerian Kewangan melalui Suruhanjaya Sekuriti supaya memikirkan satu kaedah supaya mereka yang mempunyai kedudukan yang tertentu tidak akan membuat statement ataupun kenyataan yang boleh menyebabkan pasaran saham ataupun menyebabkan ekonomi negara ataupun sebagainya terjejas.

Umpamanya, saya tidak menuduh, kadang-kadang saya terfikir juga, entah-entah orang Bank Negara ini pun ada kepentingan agaknya. Dia telah jual dahulu, lepas itu dia come with that type of statement. Saya tidak

menuduh, kadang-kadang saya terfikir juga kerana dia dalam kedudukan yang sedemikian.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya ingin mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat, adakah ini menunjukkan adanya kesilapan ataupun adanya kelemahan pengurusan di pihak Bank Negara?

Tuan Ding Seling: Silakan Datuk.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya yang menjawab itu ialah pihak Kementerian Kewangan. Pada saya, saya tak tahu dan saya tidak fikir ini merupakan satu kesilapan, saya tidak fikir ini merupakan satu kelemahan kepada pihak Bank Negara.

Saya percaya apa yang dilakukannya bukannya dengan niat, pada saya tidak ada niatlah, tetapi kadangkala itu saya katakan terfikir juga, bila kita ada ‘analytical mind’ ini problemnya bila kita ada ‘analytical mind’ ini kadang-kadang kita terfikir juga, oh kemungkinannya dia buat begini, dia telah beritahu kawan-kawannya semua, okay, jual-jual, lepas itu dia buat satu pengumuman.

Jadi, sebab itulah saya minta ‘Security Commission’ supaya memikirkan orang-orang yang tertentu tidak boleh membuat kenyataan yang boleh menyebabkan turun naiknya pasaran saham ataupun sebagainya. Umpamanya, pengerusi ‘Security Commission’ sendiri, dia tidak boleh membuat sesuatu kenyataan itu dengan sewenang-wenangnya, pengerusi Kuala Lumpur Stock

Exchange sendiri, dia tidak boleh membuat kenyataan dengan sewenang-wenangnya kerana apa yang keluar daripada mulut mereka itu akan menjadi sesuatu perkara yang akan dianalisa oleh pihak-pihak tertentu.

Umpamanya, Gabenor Bank Negara kalau hendak membuat sesuatu statement itu dia tidak boleh membuat sesuatu kenyataan itu dengan sewenang-wenangnya kerana ada kesan-kesannya ataupun sebagainya. Ini yang saya maksudkan sebagai garis panduan yang kena dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang terakhir ialah berkenaan soal sukan badminton negara kita ini. Kadangkala saya lihat, kadang-kadang saya pun sudah naik meluat, soal percanggahan antara BAM dengan Nusa Mahsuri ataupun sebagainya.

Saya memang mengalu-alukan sikap tegas BAM sekarang, 'nobody is indispensible in this world', dengan izin. Tidak ada orang yang tidak boleh menggantikan di dalam dunia ini, lebih baik biarlah kita kalah di dalam satu-satu pertandingan dengan mempunyai pemain yang berdisiplin daripada kita menang tetapi kita mempunyai pemain-pemain yang boleh menggertak BAM dan sebagainya. Biar kita kalah, biar kita tewas tidak mengapa. Asalkan kita mempunyai pemain-pemain yang tidak boleh menggertak BAM ataupun sebagainya.

Kalau BAM ataupun badan-badan persatuan sukan dibenarkan digertak, diugut ataupun diberikan kata dua seolah-olah oleh pihak-pihak yang tertentu,

jadi, ini menunjukkan seolah-olahnya kita sudah tidak ada kekuatan dan sudah tidak ada disiplin. Biar kita kalah pun tidak mengapalah, dihantar budak-budak pun pergi bermain di Piala Sudirman itu tidak mengapalah, kalau yang geng-geng Nusa Mahsuri itu tidak mahu hendak menyertai ataupun meletakkan syarat-syarat dan sebagainya.

Yang kita hendakkan ialah satu disiplin, jangan ianya besok akan menjadi ikutan, menjadi contoh kepada badan-badan sukan yang lain, itu sebabnya saya tabik kepada BAM sekarang ini, tidak mengapalah kali ini kita bertegas betul-betul. Kerana saya bukannya tahu sangat apa yang berlaku sebaliknya, tetapi cuma saya melihat dari segi 'super visual' yang saya lihat sekarang ini, saya fikir sudah sampai masanya kita kena bertegas.

Kerana kita akan menghadapi Sukan Komanwel pada tahun 1998. Kalau kita biarkan keadaan di mana pemain-pemain, mereka yang berkebolehan boleh membuat ugutan, boleh memberikan kata dua kepada badan-badan sukan, hari ini beri kata dua kepada badan sukan, besok kerana kita telah ghairah sangat hendakkan menang, hendakkan pingat, kita ikut sahaja. Disiplin sudah lintang pukang dah kita ketepikan soal disiplin ini. Kita kalah pun tak apa, kita tidak dapat pingat pun dalam Sukan Komanwel pun tak apa, asalkan disiplin mereka ini kena ikut peraturan-peraturan. Kalau tidak, sampai bila pun kita tidak dapat menanamkan disiplin kepada ahli-ahli sukan kita.

Saya pun kadang-kadang bila membaca soal percanggahan dua kumpulan ini, kadang-kadang saya pun sudah naik muak dah, saya fikir rakyat biasa pun sudah naik muak, meluat dah membacanya. Saya kata, takkan perkara ini boleh berlaku, kalau kalah, kalahlah. Tak dapat pingat, tak dapat pingatlah, once you decide itulah keputusannya. Jangan lagi, jika sudah dibuat keputusan itu hendak merayu pula lagi ataupun sebagainya. Tak apa, kalau dua, tiga orang itu tak hendak pergi ramai lagi yang hendak bermain pun, hendak pergi mewakili negara, bangga jika dapat mewakili negara. Ini kalau kita tunduk dengan tekanan-tekanan sedemikian, saya bimbang besok ini akan menjadi satu ikutan kepada badan-badan sukan yang lain.

Itu sebabnya, saya mengucapkan syabas kepada pucuk pimpinan BAM setakat ini, tetapi kalau dia berlembut selepas ini saya tak tahulah, nampaknya sudah ada, bila menteri pun masuk campur telah ada unsur-unsur hendak berlembut, kalau pada saya kalau saya jadi 'the decision is final', dengan izin. Saya harapkan itulah keputusan supaya ini merupakan satu pengajaran kerana kita hendak menghadapi Sukan Komanwel ini besok, lagi banyak karenah. Tahulah budak-budak sukan ini lagi macam-macam karenah mereka, kerana kita terlampau ghairah sangat hendak dapatkan pingat, hendak dapatkan nama baik, macam-macam permintaan yang bukan-bukan yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan serba sedikit pandangan

atau untuk membincangkan atau untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih ini dan saya mohon maaf kalau ada kata-kata saya yang salah atau tersilap kerana apa yang saya cakapkan ini adalah lahir daripada hati saya sendiri, walaupun perkara itu ada dalam ingatan, apa yang saya hendak cakapkan saya sudah rangka-rangkakan, tetapi oleh kerana dalam keadaan yang terdesak kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya berucap tadi, saya berucaplah.

Tetapi, walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih dan dengan ini saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rahim. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

5.23 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan DiRaja.

Saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana pada petang ini kita dapat bersidang bersama-sama untuk membincangkan Titah Ucapan DiRaja. Saya berasa sukacita kerana negara kita Malaysia ini terus aman, makmur dan maju untuk menuju ke arah Wawasan 2020 dan menjayakan MSC ataupun Koridor Raya Multimedia yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada UMNO oleh kerana UMNO telah memasuki tahun ke-51, baru-baru ini UMNO merayakan ulang tahun tertubuhnya 51 tahun. Saya berdoa UMNO akan terus maju, kuat dan bersatu, UMNO adalah tulang belakang Barisan Nasional yang memerintahkan negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa UMNO, tanpa kemerdekaan negara, tanpa UMNO, tanpa kemajuan negara kita ini. Saya berharap agar UMNO akan berjaya merebut kuasa di Kelantan. UMNO akan memerintah di negeri Kelantan untuk memajukan Kelantan dan mengkayakan rakyat Kelantan yang miskin pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan DiRaja mengikut pandangan saya adalah begitu menyeluruh, adalah begitu agresif untuk pembangunan negara. Titah Ucapan DiRaja adalah termasuk isu-isu seperti keamanan negara, ekonomi negara, belanjawan negara, tabungan negara, program penstabilan harga barangan, program penswastaaan juga pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua, dasar pertanian negara, perdagangan negara, perdagangan Asean dan pelancongan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1998 adalah sebagai 'Tahun Melawat Malaysia' tetapi kita harus berjaga-jaga tentang AIDS, jangan menjangkitkan kepada rakyat Malaysia. Juga termasuk sains dan teknologi, sektor telekomunikasi, Malaysia akan jadi pusat telekomunikasi rantau ini dan di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, juga tentang pembangunan projek Koridor Raya Multimedia. Pada hari ini, nampaknya projek ini mendapat sokongan bukan sahaja dalam negeri tetapi juga mendapat sokongan dari luar negeri. Pada hari ini sebanyak 583 syarikat yang minta untuk bersama dalam projek ini dan juga ada sebanyak 461 'local company', syarikat tempatan dan juga 122 negara asing hendak invest di negara kita dalam projek Koridor Raya. Rakyat Malaysia harus menyokong projek yang mulia ini supaya selamat berjaya untuk kepentingan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan DiRaja juga menyentuh dengan pengangkutan. Kuala Lumpur International Airport (KLIA) di Sepang akan mula beroperasi pada 1hb. Januari tahun depan dan KLIA ini akan menjadi pusat penerangan antarabangsa. Kita berasa bangga kerana negara kita, lapangan terbang ini akan menjadi lapangan terbang terbesar di Asia, juga salah satu lapangan terbesar di dunia. Ini adalah kejayaan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sistem pengangkutan bandar terutama di Kuala Lumpur. Tadi saudara Ahli Yang Berhormat ada menyebut tentang kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, kita harus ingat, kesesakan ini adalah amat serius, harap kerajaan akan mencari jalan untuk mengatasinya. Saya pun bergembira kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sendiri naik bas, melihat macam mana keadaan Kuala Lumpur yang sesak, macam mana lalu lintas sesak. Saya harap melalui usaha kerajaan kesesakan lalu lintas akan dapat diatasi tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan jalan raya. Kes kemalangan jalan raya pada tahun 1996, adalah sebanyak 181,381 kes. Di lebuhraya adalah sebanyak 7,278 kes. Sejumlah 18,659 kes kemalangan yang berlaku di Malaysia pada tahun yang lalu. Ini adalah amat serius. Orang yang

mati dalam kemalangan tersebut dalam tahun 1995 adalah lebih dari 32,000 orang terbunuh di jalan raya. Saya harap pihak PLUS dan kerajaan akan mengambil berat tentang hal ini untuk mengurangkan kes-kes kemalangan berlaku di negara kita ini agar nyawa orang-orang kita akan dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan elektrik negara. Kerajaan selalu berusaha untuk menjamin bekalan elektrik cukup selamat dan berkualiti. Baru-baru ini Kabinet telah membenarkan pihak Tenaga Nasional Berhad menaikkan harga bayaran elektrik. Kita berharap supaya Tenaga Nasional akan bekerja kuat untuk menjamin bekalan elektrik tidak akan dipotong. Tidak lama dahulu semua orang kompelin terhadap Tenaga Nasional kerana selalu putus bekalannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesihatan. Saya berasa kerajaan tidak mengetepikan kesihatan rakyat negara kita ini. Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita Datuk Chua Jui Meng, beliau adalah seorang peguambela dan peguamcara, tetapi sesudah beliau dilantik sebagai seorang Menteri Kesihatan, nampaknya beliau bekerja begitu kuat, agresif dan ramai orang puas hati dengan perkhidmatan beliau. Kita berharap agar akan terus bekerja kuat untuk menjamin kesihatan rakyat Malaysia ini.

Mengenai Program Perumahan Negara, Tuan Yang di-Pertua, kita berasa gembira kerana Syarikat Perumahan Negara telah ditubuhkan dan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek perumahan kos rendah

di seluruh negara. Kita harap orang miskin, bukan sahaja orang kaya, orang miskin akan mendapat rumah sendiri untuk anak-anaknya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan. Kita bergembira kerana Kerajaan Barisan Nasional menitikberatkan pendidikan. Pendidikan adalah amat penting di dalam sebuah negara yang maju, di dalam sebuah negara yang sedang membangun. Kita harap pada satu hari Malaysia khususnya Kuala Lumpur akan menjadi pusat pelajaran. Mahasiswa-mahasiswa di Asia ataupun di dunia akan datang ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan pelajaran mereka - 'insya-Allah'. Kerajaan juga akan meningkatkan mutu pendidikan negara menjayakan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu untuk menegakkan dan meningkatkan daya saing negara dalam pasaran antarabangsa. Begitu juga mengenai perkhidmatan awam kerajaan juga hendaklah berusaha untuk mempercepatkan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, tentang generasi muda, Program Rakan Muda adalah usaha untuk membangunkan belia supaya belia atau pemuda-pemudi negara kita ini akan dapat menjauhkan diri daripada dadah dan jenayah. Pemuda ataupun generasi muda akan mewarisi negara dan meneruskan perjuangan membangunkan negara. 'Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'.

Institusi keluarga. Kerajaan akan berusaha untuk memperkukuhkan institusi keluarga kerana keluarga yang sihat, stabil dan berdaya tahan akan dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan bermaruah.

Mengenai sukan antarabangsa. Kerajaan Barisan Nasional akan berusaha mengadakan sukan antarabangsa untuk mengukuhkan semangat perpaduan kesetiakawanan dan persaudaraan di antara satu sama lain di muka bumi ini. Juga Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998, adalah sukan terunggul akan dijalankan dan merapatkan Malaysia dengan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai golongan yang kurang bernasib baik, kami berasa bangga kerana kerajaan sentiasa menolong orang yang kurang upaya seperti anak-anak yatim, warga tua, balu-balu dan rakyat termiskin. Kita harus berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu orang yang putus asa mempunyai 'a ray of hope', dengan izin, bermakna kita mereka mempunyai cahaya harapan untuk masa hadapan.

Program Pencegahan Dadah dan Pendatang Asing. Tuan Yang di-Pertua, kami bergembira kerana Kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mencegah dadah dan mengatasi masalah pendatang asing. Kita juga menghargai usaha Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr.

Mahathir untuk menyatupadukan semua kaum dan agama dalam suasana harmoni dan berkerjasama erat demi kepentingan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berasa sedih oleh kerana tiga orang sahabat kita telah meninggal dunia baru-baru ini. Orang yang pertama meninggal dunia adalah Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon (Mr. Opposition) yang meninggal dunia pada 13hb. Oktober, 1996. Beliau adalah salah seorang bekas pemimpin Labour Party of Malaya iaitu Parti Buruh - party opposition di negara ini, 20 tahun yang lalu. Beliau adalah juga seorang pengasas KEMAS, pengasas Parti Gerakan, kawan kita Senator dari Gerakan ada dalam Dewan yang mulia ini. Dr. Tan Chee Khoon adalah salah seorang pengasas Parti Gerakan.

Parti Gerakan pada mulanya adalah satu party opposition dan menang dalam pilihan raya pada tahun 1969 di Pulau Pinang. Gerakan berkuasa di Pulau Pinang, tetapi Allahyarham Tun Haji Abdul Razak berjaya untuk menarik Gerakan masuk Barisan Nasional sampai hari ini. Gerakan bersama-sama dengan Barisan Nasional berjuang untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, saudara Tan Chee Khoon adalah seorang yang gagah dan berani di dalam Parlimen. Beliau adalah dipanggil Mr. Opposition, beliau telah menulis sebuah buku yang terkenal buku yang bertajuk '*Without Fear or Favour*' - tidak ada takut dan tidak ada pilih kasih memperjuangkan untuk negara. Beliau adalah seorang pejuang 'For the Cause of True, Freedom and Justice'. Beliau juga telah menulis sebuah buku iaitu 'An Autobiography'. Beliau menulis ceritanya sendiri adalah bertajuk 'From Village Boy to Mr. Opposition' - bermakna dari seorang budak kampung sampai menjadi seorang

Mr. Opposition. Beliau menceritakan perjuangannya untuk negara. Beliau juga adalah seorang yang humble, seorang yang sentiasa merendahkan diri di arena politik seperti peribahasa Melayu yang mengatakan ‘Seumpama buah padi, semakin berisi semakin rendah’, beliau tidak ‘Seperti lalang semakin lama semakin tinggi’. Jadi, kita haruslah mempelajari dari Dr. Tan Chee Khoo.

Orang kedua yang meninggal dunia, Tuan Yang di-Pertua, saya sedih mengatakan, beliau adalah Yang Berhormat Ong Tin Kim - seorang Ahli Parlimen bagi kawasan Telok Intan. Beliau berada selama 3 terms bagi pihak Barisan Nasional memenangi kawasan itu. Beliau masuk calon pada tahun 1986, 1990 dan 1995. Beliau adalah seorang yang sentiasa kuat kerja dan berusaha untuk Parti Gerakan untuk Barisan Nasional dan untuk rakyat di kawasannya. Beliau baru-baru ini telah meninggal dunia pada umur 59 tahun. Kita harus kenang akan jasanya terhadap Barisan Nasional dan negara kita ini.

Orang yang ketiga meninggal dunia adalah ADUN Negeri Sembilan bagi kawasan Repah iaitu Dato’ Lai Choon Thai, beliau baru-baru ini meninggal dunia pada usia 64 tahun kerana menghidap penyakit kanser. Orang kata mungkin nyawanya lebih panjang sebab dalam satu hari orang kena banjir, beliau telah melawat kawasannya untuk menolong orang yang menghadapi masalah banjir, di tengah jalan sewaktu pulang ke rumah occur accident dan dimasukkan ke dalam hospital, kemudian beliau meninggal dunia. Jadi, kita harus kenang jasanya kepada MCA dan kepada Barisan Nasional serta kepada rakyat di kawasannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita ada mengkaji tentang sastera China. Saya telah mengkaji sastera China dan sastera Melayu. Di dalam sejarah China ada seorang yang terkenal, namanya Boon Ten Siong, bukan Lim Kit Siang, itu orang lain. *[Ketawa]* Ini Boon Ten Siong, seorang Perdana Menteri Dinasti Song. Dinasti Song di gelarkan oleh Dinasti Yuen orang Monggol ataupun Mongolia yang memerintah negeri China. Jadi, Boon Ten Siong ditawan oleh

orang Monggolia, dalam penjara Maharaja Monggolia masuk ke penjara berjumpa dengan Boon Ten Siong, meminta Boon Ten Siong menyerahkan diri kepada Dinasti Yuen. Kalau 'you' serahkan diri, 'you' surrender, saya jadi Maharaja, 'you' bawa saya seorang, 'you' jadi Perdana Menteri, saya lantik tuan jadi Perdana Menteri bagi Dinasti saya tetapi oleh kerana taat setianya kepada negaranya Dinasti Song, dia kata "saya tidak akan menyerah diri, saya akan terus taat setia kepada negara kita" Jadi, Maharaja Monggolia kata, "kalau you tidak serahkan diri, you akan mati, saya akan menjatuhkan hukuman mati terhadap tuan" Maka, Boon Ten Siong mengatakan "mati? Apa itu mati" Dia kata, dengan izin, [*Berbahasa China*] bermakna, siapa tidak mati, siapa tidak meninggal dunia, dengan izin [*Berbahasa China*] tetapi kita harus meninggalkan jasa dan semangat kita yang cinta kepada tanah air, yang cinta kepada rakyat di dalam sejarah. Oleh kerana, kata-kata Boon Ten Siong ini, ramai orang China kemudiannya berjuang untuk negara. Dr. San Yet Sen adalah kerana semangat Boon Ten Siong seumur hidupnya berjuang untuk menggulingkan Dinasti Chin dan menegakkan Republik China di negara China pada tahun 1911.

Manusia mati tinggalkan nama, harimau mati tinggalkan kulit. Kawan-kawan kita yang berkorban kita berdoa mereka itu akan baik di syurga. Kita akan sentiasa mengingati semangat mereka berkhidmat untuk rakyat dan negara kita. Sekarang ini saya tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Dato' Abu Hassan Omar, beliau adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna. Semasa beliau menjadi menteri adalah begitu kuat bekerja untuk negara. Baru-baru ini beliau telah dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Selangor. Beliau telah meletak jawatan sebagai Ahli Parlimen dan sebagai seorang....

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Yim, Dato' Zuki bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, Dato' *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta pembetulan sedikit, bukan dilantik menjadi Menteri Besar, dicalonkan.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, perkataan ini kadang-kadang confuse sedikit - dicalonkan - terima kasih di atas penegasan saudara.

Tuan Ding Seling: Teruskan Tuan Yim.

Tuan Yim Chee Chong: Ini dicalonkan sebagai Menteri Besar, lalu letak jawatan sebagai seorang Ahli Parlimen masuk calon negeri. Ini adalah kali pertama di sejarah arena politik Malaysia, ini Menteri Besar sudah tahu, sudah kenal, ini orang akan menjadi Menteri Besar Negeri Selangor. Beritahu seluruh rakyat, umumkan kepada dunia. Jadi, terpulang kepada rakyat jelata, terpulang kepada pengundi sama ada sokong atau tidak, ini adalah bermakna bahawa Menteri besar adalah dilantik oleh rakyat. Presiden Abraham Lincon mengatakan kerajaan rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat. Saya yakin di bawah pimpinan beliau kerajaan negeri akan terus maju, cekap, bersih dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mengadakan majlis taklimat mengenai Rang Undang-undang Siber anjuran Jawatankuasa Antara Parti

Parlimen Malaysia pada 25hb. April yang lalu di dalam bangunan Parlimen ini dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim - pengerusi bersama - Ini adalah kali pertama di dalam Parlimen ini. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang yang bersama dengan kita, yang lain adalah Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad. Sekarang pada hemat saya pihak opposition DAP sedar akan pentingnya kerjasama dengan Barisan Nasional untuk membangunkan negara kita ini. Pada masa dulu, pada hemat saya DAP adalah satu parti yang memperjuangkan untuk kepentingan partinya, untuk political mileage. Orang ini tidak sedar akan politik, tidak sedar akan perpaduan negara tetapi hari ini beliau sedar betapa pentingnya kerjasama dengan Barisan Nasional.

Baru-baru ini, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Seremban, dalam satu function keluarga, saya ada di tepi, saya nampak Dato' Seri Anwar bin Ibrahim tulis dalam bahasa Cina. Apa dia tulis? Dia tulis, dengan izin [*Membaca dalam bahasa Cina*] Ini adalah bermakna, berterus terang berkhidmat untuk negara. Kita harap parti Pembangkang satu hari, PAS pun masuk juga bersama-sama dengan Barisan Nasional untuk membangunkan negara kita ini.

Tuan Ding Seling: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Yim Chee Chong: Panjang lagilah. Minta maaf sebab saya sudah sepuluh hari sepuluh malam menyediakan ucapan saya, jadi saya minta beri saya tempoh panjang sedikit untuk berucap. Kalau tidak usaha saya sia-sia sahaja. Oleh kerana ucapan saya adalah suara rakyat. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, tentang murid. Murid-murid ataupun penuntut yang terlibat dengan jenayah dan dadah dari tahun 1993 hingga tahun 1996 berjumlah 5,840 kes. Sebanyak 49.2% murid-murid itu adalah kerana tidak ada kasih sayang dalam rumah. Jadi, saya harap ibu bapa akan mengawal dan menyayangi anak-anaknya. Semenjak tahun 1992 hingga tahun 1996, sebanyak 713 murid di sekolah rendah dipecat, 19,550 penuntut di sekolah menengah dipecat dengan jumlah 20,263 orang murid kena pecat. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat serius. Kenapa mereka kena pecat? Pecat tidak boleh mengatasi masalah. Ini bukan jalan yang baik untuk mendidik murid-murid kita. Saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menuntut di sekolah menengah, saya kena pecat dua kali, tetapi budak yang kena pecat itu kemudian boleh menjadi seorang peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi. Juga boleh menjadi seorang Ahli Parlimen, juga menjadi seorang Senator. Jadi, sebanyak 20,563 orang ini satu hari akan menjadi menteri. Jadi, kalau pecat sudah putus jalannya. Kita tahu kalau dia nakal, dia jahat, kita harus mendidiknya dengan kasih sayang, with the love, orang kalau ada 'love' hati mereka pun lembut. Hati manusia memang begitu, kalau keras pecah.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Puan Hajah Zaleha.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa begitu ramai pelajar-pelajar yang dipecat sama ada sekolah rendah dan sekolah menengah.

Dapatkah Yang Berhormat menjelaskan di Dewan ini mengapa dan apakah menyebabkan pelajar-pelajar itu dipecat dan apakah langkah-langkah yang boleh diberi oleh Yang Berhormat kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat mereka itu mencontohi untuk mendidik pelajar-pelajar ini supaya yang dipecat seramai 19,000 orang itu akan menjadi seperti Yang Berhormat sekarang?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, mengapa dipecat. Ada bermacam-macam sebab dipecat. Dipecat mungkin juga kerana masuk gangster ataupun pukul guru, ada juga orang tumbuk guru, saya nampak dahulu semasa saya kecil. Ada juga dia tidak dengar nasihat cikgunya, macam-macam sebabnya. Ada pun langkah-langkah ini terpulang kepada pakar-pakar di Kementerian Pendidikan untuk mencari jalan yang baik mendidik anak-anak yang nakal ini. With love. Kalau ada 'love', orang Putih katakan dia akan menjadi seorang budak yang baik. Itu sahajalah jawapan saya. *[Ketawa]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Tuan Yim.

Tuan Yim Chee Chong: Ya.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

Tuan N. Marimuthu: Soalan tambahan saya. *[Ketawa]* Minta penjelasan. Yang Berhormat seorang peguam, bolehkah sokong sekiranya anak-anak mereka terus melakukan kesalahan di bawah Akta Juvana 1972?

Tuan Yim Chee Chong: Ya, apa itu? Bolehkah minta ulang?

Tuan N. Marimuthu: Tadi kata sokong terhadap ibu bapa sekiranya anak-anak mereka terus melakukan kesalahan di bawah Akta Juvana 1972?

Tuan Ding Seling: Juvanile.

Tuan Yim Chee Chong: Akta Juvana [*Ketawa*] Ini belum baca lagi, sungguhpun jadi lawyer tetapi undang-undang banyak. [*Ketawa*] Tentang ibu bapa orang kata lawyer tahu semua sebenarnya lawyer semua tidak tahu. [*Ketawa*] Saya merendahkan diri sahaja. Ada banyak lawyer di sini, bukan semua law tahu, ada yang orang macam jadi lawyer, ada yang specialise in conveyancing transfer property, ada yang specialise in accident cases, macam-macam. Bukan semua tahu, dia tahu bidangnya sahaja.

Tentang ibu bapa, ibu bapa sentiasa mengharapkan anaknya menjadi anak yang baik, yang setia dan taat tetapi kadang-kadang budak tidak dengar nasihat ayah, apa hendak buat. Jadi, bersabarlah terus mendidiknya agar satu hari budak yang nakal itu akan menjadi budak yang baik.

Macam adik saya, you tidak kenal adik saya, adik saya dahulu dalam Form III senantiasa menentang cakap emak saya, ayah saya baru meninggal dunia, emak saya pun sudah susah hati, sudah sedih. Adik saya selalu menentang cakap emak saya. Emak saya pun susah hati, duduk dalam satu tempat, menangis. Saya pujuk emak saya jangan menangis, budak ini sekarang kecil lagi, belum tahu apa-apa lagi, satu hari bila akal dia sudah tahu.....

Tuan Yang di-Pertua: Matang.

Tuan Yim Chee Chong:dia akan baik. Sekarang adik saya sudah meningkat dewasa, dia yang baik sekali terhadap emak saya. Emak saya senyum kemudian. Ha, betul Yim cakap. *[Ketawa]*

Saya berterima kasih tadi Yang Berhormat minta soalan tambahan, macam saya sudah jadi menteri, terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta lagi, ya?

Datuk Tan Chai Ho: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sangat tertarik kerana dengar rakan saya ucapkan bahawa dia dipecat dua kali. Jadi, kita ingin tahu apakah sebabnya Yang Berhormat boleh dipecat? Dan bagaimana beliau sekarang sudah jadi seorang peguam dan seorang ahli Dewan Negara? Beritahu kita rahsianya? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, betul juga tadi saya mengatakan dua kali kena pecat. Masa itu kali pertama saya berumur 16 tahun sahaja, sixteen years old dalam junior middle one, Form I, saya dipecat oleh guru besar, bukan kerana saya nakal, bukan kerana curi ataupun buat jenayah yang lain, tetapi ialah kerana guru besar pecat guru saya dengan tidak beralasan, jadi kita bangkit menentang guru besar, jadi saya kena pecat. *[Ketawa]* Sesudah saya dipecat, saya pergi ke Education Department Seremban, saya complaint to the Chinese Education Officer. Dia tengok saya punya conduct, kelakuan, first term B, second term A.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu 'B', 'A'?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, itu kelakuan. Dalam rekod, ada kelakuan murid-murid.....

Tuan Yang di-Pertua: ‘B’ apa?

Tuan Yim Chee Chong: ‘B’ bermakna nombor dua Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, nombor dua Baik. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: ‘A’ - amat Baik. Jadi, pangkat 3 saya ingat ‘E’ bermakna pecah. Jadi, saya kompelin kepada Education Department dan Chinese Education Officer telefon guru besar, ‘Apa fasal tuan pecat budak itu?’ Dia bertanya dalam telefon, saya berada di situ. Masa itu saya kecil, kena pecat. Saya kompelin kepada pegawai, saya tengok dia tanya, apa fasal tuan pecat dia? Saya tengok dia, ini orang yang baik, yang berjuang untuk keadilan. Wah, mata air saya pun keluar. *[Ketawa]* Dia kata, ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mata air keluar apa maknanya?

Tuan Yim Chee Chong: Bermakna.....

Tuan Yang di-Pertua: Menangis?

Tuan Yim Chee Chong: Bukan menangis, sedih hati kerana saya tengok orang ini yang berjuang untuk keadilan. Saya seorang budak, sixteen years old sahaja, dia berani menentang guru besar. Jadi, masa itu saya tengok ini orang baik, macam Tuhan saya. *[Ketawa]* Jadi, dia tanya, apa fasal you pecat dia? Jadi, dia tidak ada alasan macam mana boleh cakap saya

menentanginya kerana dia pecat guru saya. Jadi, okay, ini Education Officer kata, ‘Ini Yim beri dia balik ke sekolah’.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan lagi.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon sedikit penjelasan. Boleh bezakah antara mata air dengan air mata? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta maaf, saya belum selesai jawapan terhadap Setiausaha Parlimen, nanti ya, minta maaf. *[Ketawa]*. Dua kali, itu kali pertama.

Kali kedua, ialah Sekolah Menengah Chan Hwa, pada masa itu adalah aliran bahasa Cina tetapi Lembaga Pengurus menukar dari aliran Cina kepada aliran Inggeris, sebab masa itu kita memperjuangkan untuk bahasa kita, jadi saya pun kena pecatlah. *[Ketawa]* Itu sahaja, dua kali.

Jadi, macam mana kemudian jadi peguam? Ha, ini lagi teruk. *[Ketawa]* Tidak lama dahulu saya mengatakan dalam Dewan yang mulia ini, dahulu saya adalah seorang dari parti pembangkang - Labour Party of Malaya, berjuang bersama-sama dengan Dr. Tan Chee Khoo, berjuang untuk nasib orang miskin. ‘Labour’ bermakna tidak ada wang dalam poket, berjuang untuk labour, masa itu saya 24 jam, siang dan malam, 24 hours service for the party, for the people of Seremban, sudah 7 tahun saya tidur atas meja sahaja waktu malam. Tetapi masa itu, special branch pada satu malam dia cari saya, dia tangkap saya under ISA. Dia kata, saya mempunyai risalah haram, unlawful

document, iaitu kata-kata Chairman Mao-tze-tong. Sebenarnya itu tidak salah, itu tidak apa, saya dituduh di mahkamah, saya ditahan selama 41 hari di dalam lokap, Seremban. 41 hari dalam lokap di Seremban, bukan senang. Ini saya tidak akan lupa dalam seumur hidup saya semasa menderita di situ.

Semasa saya dalam tahanan, ayah saya yang begitu kasih sayang kepada saya, siang dan malam dia tidak dapat tidur, teringat akan saya dalam lokap, kemudian ayah saya mengidap penyakit jantung dan dimasukkan ke dalam Hospital Besar Seremban. Pada hari itu, hari Khamis, saya dibawa ke mahkamah, Mansion Court. Emak datang jumpa saya di mahkamah Seremban. Kemudian, saya minta jamin keluar, tetapi tuan hakim kata, ini under ISA, tidak boleh jamin keluar, jadi saya pulang ke lokap. Emak saya pulang ke hospital jumpa ayah saya. Ayah saya tanya emak saya, macam mana Ah Keong Chai? Sudah jamin keluar atau tidak? Saya punya nama, ayah panggil saya, Ah Keong Chai, bukan Yim. Emak saya kata, Oh, dia tidak dapat jamin, masuk lokap lagi. Sejak malam itu, ayah saya gentar malam, dia punya sakit jantung lagi kuat, lagi teruk. Jadi, pada keesokan harinya ayah saya meninggal dunia. Sebelum beliau meninggal dunia, dia panggil nama saya, bila balik ke rumah, bila pulang ke rumah?

Kemudian, saya dibebaskan oleh Session Court Seremban. Saya ada bayar seorang peguam, peguam itu ialah Encik Gamani, dahulu Setiausaha Agung Parti Rakyat. Orang ini minta RM450. Masa itu saya kata, 'Saya siang dan malam bekerja untuk rakyat, untuk parti, 24 hours service, parti beri saya

RM40 elaun setiap bulan. Saya berjanji bayaran secara ansuran RM50 sebulan'. Saya sudah bayar RM200. Lagi RM250 bakinya belum bayar. Pada hari perbicaraan, beliau enggan pergi ke mahkamah untuk membela saya kerana wang, wang belum selesai. Jadi, saya membela diri di mahkamah sungguhpun masa itu saya tidak ada kelayakan, LCE certificate pun tidak ada. Saya membela diri, akhirnya tuan hakim membebaskan saya. Ini Yim orang baik, orang yang tidak bersalah, bebas dari mahkamah, jadi saya pun keluar dari mahkamah dengan tidak bersalah.

Kemudian, waktu malam saya ingat, saya ingin belajar bahasa Melayu, sastera Melayu di Universiti Malaya. Sungguhpun saya tidak ada LCE, saya hendak masuk peperiksaan LCE, MCE dan HSC. Saya tidak ada qualification, tetapi saya ada niat masuk periksa dan masuk MU menuntut sastera Melayu. Kemudian, saya ingat kerana pengalaman saya, saya yang menderita, saya kata mungkin ramai orang di dalam negara kita ditahan oleh polis secara orang yang tidak salah, jadi dalam hati saya ingin berjuang untuk menegakkan keadilan, kemudian saya ingin hendak belajar undang-undang, sebab itu saya menuntut ilmu undang-undang. Kemudian, sudah beberapa kali gagal dalam peperiksaan, akhirnya menjadi peguam, sudah lulus peperiksaan. Itulah kenapa kemudian menjadi peguam.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yim Chee Chong: Itu sahaja, Yang Berhormat, apa hendak tanya sekarang? *[Ketawa]*

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi, mungkin istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi, antara mata air dengan air mata? Saya ingat Yang Berhormat boleh membuat pembedaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawablah.

Tuan Yim Chee Chong: Soalan ini membuang masa sahaja, ini air mata, mata air. *[Ketawa]* Ini Dewan Negara, Yang Berhormat. Saya ingat nanti kita minum kopi, saya beritahulah. *[Ketawa]* Saya minta maaf ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, tempat itu lagi bagus, sesuai. Teruskan. Ada banyak lagi, Yang Berhormat?

Tuan Yim Chee Chong: Ada apa pertanyaan soalan, welcome semua.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Yang Berhormat hendak sambung lagi?

Tuan Yim Chee Chong: Ya, sambung lagi, panjang lagilah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat satu jam lagilah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hui, banyak sangatlah.

Tuan Yim Chee Chong: Sekurang-kurangnya satu jam. 10 hari, 10 malam saya sediakan ucapan. *[Ketawa]* Tengok, panjang lagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat lain bercakap sama.

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, boleh. Tetapi 5, 6 hari berbahas, banyak peluang lagi. *[Ketawa]* Ada lagi 5, 6 hari berbahas.....

Tuan Yang di-Pertua: 4 hari sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: 4 hari lagi ya. Nanti saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, pendekkanlah.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, tetapi pendekkan pun sekurang-kurangnya setengah jam, bolehkah? [*Ketawa*] Saya continue ya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 20hb. Februari 1997 pelajar sekolah seramai 100 orang ditahan polis adalah berkaitan dengan gejala dadah, peras ugut, kongsi gelap dan pembunuhan. Menurut perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, kes jenayah remaja meningkat setiap tahun. Pada tahun 1996, seramai 4,601 orang remaja berumur di bawah 18 tahun ditangkap kerana terbabit dalam 2,820 kesalahan jenayah. Remaja Melayu mencatat pembabitan tetinggi. Masalah sosial pelajar harus kita bersama membantu membanterasnya segera. Kita harus melahirkan generasi muda pendidikan untuk menjayakan Wawasan 2020 dan Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, tentang peristiwa Lee Kuan Yew di Singapura yang dalam affidavit di mahkamah Singapura mengatakan Johor negeri terkenal dengan kejadian menembak, menyamun dan merampas kereta. Ramai oleh tidak mengetahui sebenarnya kadar jenayah Singapura adalah lebih tinggi daripada Malaysia. Orang yang melakukan jenayah adalah lagi banyak dari Malaysia. Ini bukan saya bohong dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah mengikut laporan terkini Jawatankuasa Pencegahan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, negeri Johor adalah negeri yang aman kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Pada hari ini ramai orang Singapura datang ke Johor Bahru untuk membeli tanah, membeli rumah. Kalau negeri Johor tidak selamat, macam mana dia boleh datang ke Johor Bahru membeli rumah, terpaksa kerajaan kita untuk menjamin kepentingan orang tempatan. Jadi, levi sebanyak RM100,000 siapa orang asing hendak beli harta di negara kita kena bayar RM100,000 kepada kerajaan. Ini bermakna negara kita ini maju dan makmur. Kes jenayah, di mana-mana negeri pun ada berlaku, tetapi kalau banding dengan Singapura, Singapura lagi dahsyat, lagi teruk. Ini adalah laporan terkini Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lee Kuan Yew menang pilihan raya pada tahun 1963. Masa itu PAP, bukan DAP, PAP di Singapura....

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tadi, saya berminat perbandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai kadar jenayah di Singapura lebih tinggi. Apakah ada statistik untuk makluman Dewan, sebab saya pun berminat untuk mengetahuinya kalau ada?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, ini mengikut laporan terkini Jawatankuasa Pencegahan Jenayah Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengatakan kes jenayah berlaku di Singapura lagi banyak daripada Malaysia. Butirannya....

Tuan Yang di-Pertua: Ada laporan printed?

Tuan Yim Chee Chong: Lapornya tidak ada, tetapi tersiar dalam akhbar Cina sahaja. Sedikit hari kalau saya dapat laporan dari Bangsa-Bangsa Bersatu saya akan hantar satu copy. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Lee Kuan Yew memenangi pilihan raya 1963 adalah kerana pertolongan dari Tunku Abdul Rahman. Masa itu Barisan Socialis Singapura sangat kuat di bawah pimpinan Dr. Lee Sau Choo dan Lim Cheng Siang. PAP berkuasa di Singapura adalah kerana Lim Cheng Siang. Lim Cheng Siang ditahan oleh Orang Putih di penjara. Masa itu pilihan raya, kerana imej Lim Cheng Siang, jadi PAP menang dalam pilihan raya yang diadakan kali pertama. Jadi, masa itu PAP minta kalau Kerajaan British membebaskan Lim Cheng Siang, kita PAP akan menubuhkan kerajaan. Kemudian Lim Cheng Siang dan kawan-kawan seperjuangannya dibebaskan dari Penjara Changi. Sebab itu PAP menang kerana Lim Cheng Siang dan kawan-kawannya.

Jadi, kemudian Lim Cheng Siang dan kawan-kawannya tidak sama pandangannya dengan Lee Kuan Yew dan beramai-ramai keluar dari PAP dan tubuhkan satu parti yang bernama Barisan Socialist Singapura. Masa itu sangat kuat. Kalau Tunku Abdul Rahman tolong Lee Kuan Yew, masa itu dalam Malaysia lagi, belum keluar dari Malaysia. Kalau tidak tolongnya, jadi saya ingat kalau ikut pandangan saya PAP dan Lee Kuan Yew tidak akan menang. Sejarah akan bertulis lain macam.

Jadi, Tunku Abdul Rahman on the election, if the polling besok buang undi, jadi hari ini dia kata, ‘kalau rakyat Singapura tidak sokong PAP, kalau Barisan Socialist menang di Singapura, maka bekalan air dari Johor Bahru akan dipotong.’ Sebab kata ini semua orang takut, semua sokong PAP. Jadi, PAP berkuasa di Singapura sejak itu.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu mengatakan ‘hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati.’ Jadi, Lee Kuan Yew terhutang budi kepada Malaysia. Tetapi macam mana pun Lee Kuan Yew telah minta maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia dan kerajaan Malaysia, jadi kita melupakan peristiwa ini. Kita harus menghargai persahabatan antara Singapura dan Malaysia. Kita harap hubungan erat di antara Malaysia dan Singapura akan dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh dengan jalan alternatif (alternative road). Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, saya harap nanti kawan saya jangan salah faham ya. Menteri Kerja Raya pada 19hb. Mac tahun ini mengatakan, ‘jalan Kuala Lumpur/Seremban akan diwartakan dan kena bayar. Dalam Malaysia sedikit hari tidak ada jalan yang free. Jangan salah faham maksud saya.

Tuan N. Marimuthu: Tadi Yang Berhormat katakan kawan saya jangan salah faham, kawan itu siapa? Di sini ada banyak kawan.

Tuan Yim Chee Chong: Saya tengok dua Marimuthu. Ini Tuan N. Marimuthulah.

Beliau mengatakan pada 19hb. Mac, ‘sedikit hari tidak ada alternative road. Semua jalan kena bayar. Dia kata, ‘tiada yang free’. Sekiranya rakyat baca paper, beliau mengatakan ‘tidak ada apa yang free, kahwin pun kena bayar.’ You ada kahwinkah, kalau kahwin pun kena bayar, mengikut beliau.

Tuan N. Marimuthu: Minta penjelasan. Yang Berhormat salahfahamkan. Saya ada baca satu artikel berita, bukan Dato' Seri S. Samy Vellu kata, saya cakap tidak salah, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan ini.

Tuan Yim Chee Chong: Dalam Chinese newspaper mengatakan Dato' Seri S. Samy Vellu bercakap pada 19hb. Mac. Kemudian, bila Perdana Menteri kita pulang dari luar negeri, pemberita bertanya tentang hal ini, tetapi Perdana Menteri kata ini tidak terjamin. Ini laporan Chinese newspaper. Laporan Tamil Nesan saya tidak tahu baca. *[Ketawa]* mengikut beliau, ‘sedikit hari di Malaysia tidak ada jalan yang free.’

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada menteri bahawa pada masa dahulu kerajaan pernah mengatakan, ‘sekarang kita mengadakan highway, highway kena bayar. Kalau you sanggup bayar, okay jalan ikut highway. Kalau tidak sanggup bayar, okay ada jalan lama, itu free punya tidak payah bayar.’ Tetapi hari ini Menteri kata, ‘sedikit hari yang free pun kena bayar. Tidak ada jalan free.’ Betul atau tidak Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu?

Tuan N. Marimuthu: Saya mana tahu. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Yang Berhormat tidak tahu. Saya tidak tahu macam mana cerita Tamil newspaper. Chinese newspaper cakap macam itu, English newspaper pun cakap macam itu. Yang Berhormat tidak ada bacakah. Kalau Yang Berhormat baca mesti tahu punya. *[Ketawa]*

Tuan N. Marimuthu: Saya pun sokonglah tanpa bayar tol. Kalau akan tambah tol, orang ramai kata semua jalan pun kena bayar tol, saya tidak setuju, tetapi bukan Samy Vellu cakap. Seorang menteri Kabinet.

Tuan Yim Chee Chong: Bukan Kabinet cakap, ini menteri cakap. Kabinet macam mana boleh cakap. *[Ketawa]*

Tuan N. Marimuthu: Saya baca berita itu, saya sudah cakap saya baca berita Tamil Nesan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Bawa kemari paper itu esok.

Tuan Yim Chee Chong: Besok minta dia cakap. Ini bukan Perdana Menteri cakap. Pemberita bertanya pandangan Perdana Menteri. Perdana Menteri ada cakap. Tetapi Perdana Menteri tidak cakap semua tidak ada free. Dia tidak cakap semua kena bayaran. Perdana Menteri sudah balik dan diminta penjelasan dari Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, orang kaya banyak di Malaysia sekarang ini. Orang Cina kaya, orang Melayu kaya, orang India kaya banyak.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, apa lagi. Duduklah.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, dia pandang saya. Jangan pandang saya terus.

Tuan Yim Chee Chong: Tidak mengapa, saya pandang Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat ada soalan tambahan atau tidak. Saya menghormati Yang Berhormat. Sekarang saya pandang Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak orang mengantuklah. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah kita sambung sampai pukul 10 malam?

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, kalau izin. Sampai siang pun boleh. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, sekarang serius cakap. Saya masuk dalam perbahasan. Dalam Malaysia orang kaya sekarang banyak, opportunity sekarang banyak. Jadi, semua orang asing ingin datang ke Malaysia. 1.2 bilion orang pendatang asing, pendatang haram datang ke Malaysia sebab mahu cari wang, kerana wang senang cari. Banyak orang pandai cari wang, banyak orang Cina, Melayu dan India sudah kaya. Tetapi ada banyak orang miskin juga dalam kampung baru. Kampung Melayu banyak orang miskin juga. Kita harus kasih-sayang kepada orang miskin. Orang kaya boleh jalan, ada Mercedes Benz. Yang Berhormat pakai kereta apa?

Tuan N. Marimuthu: Saya. Saya pakai Mercedes lama.

Tuan Yim Chee Chong: Tengok, dia pakai Mercedes. Orang pakai motor tahukah. Kalau accident, banyak orang pakai motor mati 70%. Jadi, kenapa dia tidak mahu pakai Mercedes Benz. Sebab tidak ada wang. Jadi, ramai orang yang masih miskin. Kalau banding dengan masa dahulu, sekarang sudah baik, tetapi banyak orang miskin juga. Jadi, orang miskin tidak sanggup bayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, tol sangat mahal. Dahulu kerajaan mengatakan, okay sekarang ada highway, ada wang bayar ikut jalan highway. Tidak ada wang ikut jalan alternative road. Sekarang kalau kerajaan mengatakan alternative road pun kena bayar, diwartakan kena bayar. Jadi, orang miskin mana mahu jalan? Menteri Kerja Raya Dato' Seri S. Samy Vellu tidak ada di sini. Kalau dia ada saya mahu tanya dia, mana mahu jalan? Jalan di estet boleh, tetapi kalau keluar estet dari Seremban ke Kuala Lumpur - sekarang ramai orang cari jalan lama, free punya, sebab highway sudah mahal, orang tidak sanggup bayar. Jadi, sekarang jalan lama ramai orang guna sekarang. Jadi, kalau sekarang ini jalan lama free pun kena bayar, kalau macam itu, saya sentiasa kata saya adalah seorang yang menjalankan tugas sebagai seorang Senator without fear and favour, kalau kementerian meminta wang dengan menggunakan jalan lama membayar, saya ingat pilihan raya yang akan datang Barisan Nasional akan hilang sokongan dari rakyat. Ramai orang tidak puas hati. Saya sudah baca paper, hari itu paper sudah cerita. Jadi, orang ramai pun bising tidak puas hati, macam mana sekarang pun kena bayar alternative road.

Jadi, saya memohon kepada kerajaan kita supaya jalan alternative itu adalah percuma untuk selama-lamanya. *[Tepuk]* Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah?

Tuan Yim Chee Chong: Panjang lagi. Esok saya sambung. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sambung esoklah.

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta sambung, kalau tidak sampai sianglah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sambung pun pendek sahaja esok.

Tuan Yim Chee Chong: Saya sambunglah, minta kebenaran sambung esok.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan ucapan, 10 minit sahaja saya berikan.

Tuan Yim Chee Chong: Sepuluh minit saya ingat pendek sangat. Saya ingat setengah jam. Dapat saya cakap setengah jam. Ini bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, setengah jam, esok saya janji, tengok time setengah jam, saya selesai, boleh ya. Kalau saya minta setengah jam, kalau tidak saya minta satu jam. Itu sahajalah buat sementara waktu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.